
PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2011

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan terus mampan pada suku pertama 2011

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% pada suku pertama 2011 (S4 10: 4.8%). Permintaan dalam negeri yang berkembang telah disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi manakala permintaan luar negeri juga mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku tersebut disebabkan terutamanya oleh permintaan serantau terhadap keluaran komoditi dan keluaran bukan E&E. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama, kecuali sektor komoditi utama, terus berkembang pada suku tersebut, meskipun pada kadar yang lebih sederhana.

Pertumbuhan berterusan pada suku pertama (pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 6.6% pada suku pertama (S4 10: 5.9%), disokong terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta dan penggunaan sektor awam. Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh 6.7% (S4 10: 6.4%) ekoran keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, sentimen pengguna yang positif dan peningkatan dalam pendapatan yang berterusan. Penggunaan awam meningkat sebanyak 6.1% (S4 10: 0.1%), disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap kasar (6.5%; S4 10: 10%) didorong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dalam keadaan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dan pelaksanaan projek pelaburan modal yang telah dirancang. Pelaburan modal sektor awam disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan perindustrian.

Dari segi penawaran, sebahagian besar sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku pertama. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan kekal mampan pada kadar 5.9% (S4 10: 6.1%) dengan kebanyakan subsektor mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, disokong oleh keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.4% (S4 10: 6.2%) disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam industri yang berorientasikan eksport dan prestasi yang mampan dalam industri berorientasikan dalam negeri terpilih. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan 3.8% (S4 10: 5.6%), disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam kesemua subsektor. Pengeluaran sektor pertanian menurun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -0.3% pada suku pertama (S4 10: -3.9%), mencerminkan pengeluaran minyak sawit yang merosot disebabkan oleh keadaan cuaca yang terus tidak memuaskan. Sementara itu, sektor perlombongan terus menguncup sebanyak 3% (S4 10: -1.2%) berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah ekoran penyelenggaraan terjadual dan kerja-kerja naik taraf.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI), meningkat pada kadar tahunan 2.8% pada suku pertama 2011 (S4 10: 2.0%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga komoditi dan makanan global. Kenaikan harga pengguna sebahagian besarnya disumbangkan oleh kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*

yang meningkat sebanyak 4.3% (S4 10: 2.9%). Harga bagi kategori *pengangkutan* juga mencatat kenaikan sebanyak 4.4% (S4 10: 2.5%) pada suku pertama disebabkan pelarasan harga bagi harga RON97 pada bulan Januari dan Februari berikutan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan meningkat kepada RM36.1 bilion pada suku pertama (S4 10: RM25.5 bilion). Kedua-dua eksport dan import kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh masing-masing sebanyak 7.5% dan 12.4% (S4 10 masing-masing: 3.4% dan 10.1%). Pertumbuhan lebih kukuh dalam eksport mencerminkan pertumbuhan menyeluruh kesemua sektor eksport utama, khususnya eksport perkilangan, yang telah kembali mencatat pertumbuhan positif. Import barangan pengantaraan meningkat disebabkan oleh peningkatan eksport perkilangan dan ini menyumbang kepada kadar peningkatan yang lebih cepat dalam import kasar.

Pada asas tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (Foreign Direct Investment, FDI)* berjumlah RM7.8 bilion pada suku pertama selepas mencatat jumlah yang amat besar sebanyak RM13 bilion pada suku keempat 2010. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih juga lebih rendah pada RM4.6 bilion (S4 10: +RM8.6 bilion). Aliran masuk FDI kasar disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan. Pelaburan langsung luar negeri (Direct Investment Abroad, DIA)* oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.8 bilion pada suku pertama (S4 10: -RM3.9 bilion), mencerminkan terutamanya aliran keluar modal ekuiti yang lebih rendah, yang lebih daripada mengimbangi pemberian pinjaman bersih antara syarikat yang lebih besar kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Sebahagian besar pelaburan dibuat oleh syarikat dalam sektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan industri komunikasi dalam sektor perkhidmatan. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih nyata sebanyak RM4.7 bilion pada suku pertama (S4 10: + RM3.3 bilion), mencerminkan penyertaan asing yang lebih menggalakkan dalam pasaran modal dalam negeri, terutamanya dalam pasaran hutang.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM344.5 bilion (bersamaan dengan USD113.8 bilion) pada 31 Mac 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 April 2011, kedudukan rizab berjumlah RM393.2 bilion (bersamaan dengan USD130 bilion), memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.75% pada suku pertama 2011. Pada 5 Mei 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus selaras dengan tahap dasar monetari yang akomodatif. Pada kadar OPR semasa ini, pendirian dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan.

Kadar antara bank semalaman purata adalah stabil dan bergerak dalam julat 2.67% hingga 2.75% pada tempoh 1 Januari - 31 Mac 2011. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (Fixed Deposit, FD) purata bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan dan kadar pinjaman (average lending rate, ALR) purata untuk pinjaman terkumpul adalah stabil.

Pada suku pertama, keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Akses yang berterusan kepada pembiayaan dalam sistem kewangan menyokong permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor swasta. Jumlah

*Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan.

pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal mampan pada RM202 bilion pada suku pertama (S4 10: RM221 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 12.5% pada akhir bulan Mac (S4 10: 11.3%). Penunjuk-penunjuk pinjaman utama terus kukuh pada suku pertama.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal oleh kedua-dua sektor awam dan swasta berjumlah RM29.7 bilion (S4 10: RM30.5 bilion). Sejumlah besar dana diperoleh melalui terbitan sektor awam bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysia Government Securities, MGS) 10.5 dan 3.5 tahun, dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 7.5 tahun dan 3.5, serta pembukaan semula MGS 5.5 tahun.

Agregat monetari terus berkembang pada kadar yang mampan pada suku pertama. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat sebanyak 8.2% pada akhir bulan Mac 2011 (akhir bulan Disember 2010: 7.0%).

Bagi keseluruhan suku pertama, ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Prospek pertumbuhan yang positif di Asia berbanding dengan ekonomi maju telah mendorong minat pelabur terhadap ekonomi serantau, yang terus menyokong ringgit dan mata wang serantau. Pengumuman angka-angka yang lebih baik daripada jangkaan bagi pertumbuhan KDNK dalam negeri pada suku keempat juga mendorong pengukuhan ringgit. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan yen Jepun (3.5%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-4.6%) dan paun sterling (-1.8%). Dalam tempoh antara 1 April hingga 16 Mei 2011, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-2.4%), euro (-0.1%) dan paun sterling (-0.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam julat -0.4% hingga -2.0% disebabkan oleh faktor khusus di negara-negara lain yang menyebabkan mata wang di negara-negara tersebut menambah nilai dengan lebih cepat berbanding dengan ringgit.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan sistem kewangan berterusan, disokong oleh sektor kewangan yang berdaya tahan dan pasaran kewangan yang fungsi dengan baik yang terus memberikan sokongan kepada pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri. Pada suku tersebut, daya tahan sektor kewangan diperkukuh oleh tahap pendedahan risiko yang terurus. Daya tahan sektor ini ditunjukkan melalui paras permodalan yang kukuh, keuntungan yang nyata dan kualiti aset yang stabil. Nisbah modal teras dan modal wajaran risiko sektor perbankan masing-masing pada 12.7% dan 14.3% manakala nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 225.7%. Bagi memperkukuh lagi kedudukan sektor isi rumah dan kestabilan sistem kewangan, Bank memperkenalkan beberapa langkah dasar pada suku tersebut. Ini termasuk penerbitan Garis Panduan baharu untuk Kad Kredit, meningkatkan caj modal bagi pinjaman perumahan yang mempunyai nisbah loan-to-value melebihi 90% dan bagi pembiayaan peribadi jangka panjang, yang bertujuan untuk menggalakkan amalan pinjaman yang bertanggungjawab oleh institusi kewangan terutamanya bagi pembiayaan runcit. Program pendidikan kewangan yang dikenali sebagai Program POWER! juga telah diperkenalkan bagi meningkatkan tahap celik kewangan.

Pertumbuhan ekonomi dalam negeri dijangka berterusan dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global yang meningkat

Pemulihan ekonomi global terus bertambah kukuh pada suku pertama tahun ini. Namun begitu, pertumbuhan masih nyata tidak seimbang. Beberapa perkembangan terkini dalam persekitaran ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa telah menunjukkan kelemahan pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, jika harga komoditi yang lebih tinggi berterusan hingga ke suatu tempoh yang agak lama, keadaan fiskal

menjadi lebih buruk dalam ekonomi maju dan kemungkinan terdapatnya gangguan bekalan global berikutan perkembangan di Jepun, risiko pertumbuhan yang lebih rendah mungkin meningkat. Prospek pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun terus positif. Walau bagaimanapun, ekonomi-ekonomi ini menghadapi cabaran yang semakin meningkat ekoran tekanan inflasi yang makin tinggi dan aliran modal yang kekal besar dan tidak menentu.

Pertumbuhan yang mampan pada suku pertama mencerminkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil, yang disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan dalam keadaan permintaan luar negeri yang bertambah baik berikutan eksport komoditi yang lebih tinggi dan permintaan serantau yang lebih kukuh. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan dijangka berterusan. Pertumbuhan penggunaan swasta akan terus meningkat, ekoran keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan terdapatnya peningkatan dalam pendapatan, manakala pelaburan swasta dijangka terus bertambah kukuh berikutan prospek ekonomi dalam negeri yang lebih baik dan industri pertumbuhan baharu yang terus berkembang. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, ekonomi dalam negeri mungkin terjejas oleh perkembangan dalam persekitaran global. Namun, asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan dasar yang fleksibel telah meningkatkan daya tahan dan keupayaan negara untuk menguruskan cabaran-cabaran ini.

PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2011

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global berterusan pada kadar sederhana sungguhpun keadaan pasaran kewangan antarabangsa tidak menentu akibat ketidakpastian yang lebih ketara

Pemulihan ekonomi global berterusan namun pada kadar sederhana pada suku pertama 2011 berikutan risiko terhadap pertumbuhan global yang semakin meningkat, termasuk ketegangan geopolitik dan juga bencana alam di Jepun. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi maju kekal sederhana, manakala pertumbuhan ekonomi di Jepun telah terjejas akibat gempa bumi yang melanda negara itu pada 11 Mac. Keadaan pasaran kewangan antarabangsa pada suku pertama terjejas oleh ketegangan di wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) yang menyumbang kepada kenaikan harga minyak dunia yang ketara di samping kebimbangan mengenai masalah hutang kerajaan yang berterusan di kawasan euro, terutamanya di Portugal. Menjelang akhir suku pertama, kesan krisis di Jepun terhadap ketidaktentuan pasaran pertukaran asing menyebabkan terdapatnya campur tangan julung kali secara terselaras oleh G-7 sejak tahun 2000. Aktiviti ekonomi di negara sedang pesat membangun terus mantap, didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan prestasi eksport yang lebih baik daripada jangkaan. Dengan tekanan inflasi menjadi fokus utama ekonomi sedang pesat membangun disebabkan kebimbangan terhadap kejutan penawaran, bank-bank pusat dalam ekonomi tersebut terus mengetatkan dasar monetari pada suku pertama untuk menguruskan jangkaan inflasi berikutan aliran masuk modal yang bertambah dengan ketara ke dalam ekonomi sedang pesat membangun tersebut.

Ekonomi **Amerika Syarikat** (AS) meningkat dengan sederhana sebanyak 1.8% pada suku pertama (S4 10: 3.1%) disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih lemah dan import yang lebih tinggi. Sungguhpun pertumbuhan penggunaan peribadi terus disokong oleh kekayaan kewangan bersih yang lebih tinggi, serta peluang pekerjaan dan keadaan kredit yang bertambah baik, kadar pertumbuhan menjadi sederhana pada suku pertama disebabkan oleh keadaan cuaca buruk yang luar biasa dan harga gasolin yang lebih tinggi. Pelaburan tetap swasta meningkat sebanyak 0.7% (S4 10: 6.8%), ekoran kelembapan yang berterusan dalam aktiviti pembinaan yang telah mengimbangi perkembangan pesat perbelanjaan modal dalam pelaburan alat kelengkapan dan perisian. Pertumbuhan yang lembap juga berpunca daripada penguncupan perbelanjaan kerajaan selain kenaikan import seiring dengan harga minyak yang lebih tinggi. Inflasi meningkat dengan lebih cepat, iaitu 2.1% (S4 10: 1.3%) ekoran kenaikan harga tenaga dan makanan.

Dalam **kawasan euro**, KDNK benar berkembang pada kadar yang lebih kukuh, iaitu 0.8% pada asas suku tahunan (S4 10: 0.3%). Pada asas tahunan, ekonomi kawasan itu berkembang sebanyak 2.5% pada suku pertama (S4 10: 2%). Pertumbuhan disokong oleh permintaan eksport dan permintaan dalam negeri yang bertambah baik dalam ekonomi maju yang utama, khususnya Jerman dan Perancis. Pemulihan dalam permintaan dalam negeri di Jerman disokong oleh keadaan pasaran tenaga kerja yang lebih baik di samping sentimen pengguna dan perniagaan yang bertambah baik, sementara eksport terus mengembang berikutan permintaan global yang semakin kukuh. Sebaliknya, aktiviti dalam ekonomi-ekonomi yang lebih kecil terus terjejas oleh permintaan dalam negeri yang lemah, yang telah terjejas oleh langkah berjimat cermat fiskal. Dari aspek inflasi, harga pengguna naik dengan lebih cepat pada 2.5% (S4 10: 2%), disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010			2011	Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	3.7	3.1	2.9	1.8[a]	Pertumbuhan sederhana disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih lemah dan import yang lebih tinggi.
UK	-0.4	1.5	1.3	1.8[p]	Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan yang bertambah baik, terutamanya dalam perkhidmatan perniagaan dan kewangan.
Kawasan euro	0.8	2.0	1.7	2.5[p]	Pertumbuhan disokong oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang bertambah baik dalam ekonomi utama, terutamanya Jerman dan Perancis.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi **United Kingdom** (UK) mencatat pertumbuhan suku tahunan 0.5% pada suku pertama (S4 10: -0.5%). Pada asas tahunan, KDNK meningkat dengan lebih cepat, iaitu 1.8% (S4 10: 1.5%). Pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku pertama ini disokong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang bertambah baik, terutamanya perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Penggunaan swasta dan eksport meningkat semula pada bulan Januari selepas keadaan cuaca yang buruk menjejaskan aktiviti ekonomi dengan teruk pada bulan Disember 2010. Namun, penunjuk ekonomi yang bertambah baik bertukar menjadi sederhana selepas kesan sementara yang menyokongnya semakin luput. Keyakinan pengguna terus lemah akibat langkah berjimat cermat fiskal serta kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dan harga pengguna yang lebih tinggi. Inflasi naik pada kadar lebih tinggi, iaitu 4.1% pada suku pertama (S4 10: 3.4%), didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan kenaikan cukai nilai ditambah pada bulan Januari.

Aktiviti ekonomi di **Jepun** pada suku pertama menjadi sederhana akibat bencana alam pada 11 Mac yang disusuli oleh krisis nuklear. Gangguan bekalan tenaga dan kerosakan kepada infrastruktur telah mengakibatkan ketidakpastian dalam aktiviti pengeluaran dalam kalangan pengilang dan juga kepada dunia. Ini memandangkan pentingnya Jepun dalam rantaian pengeluaran global bagi keluaran elektronik dan elektrik (E&E) dan automobil. Eksport yang sememangnya sederhana sejak sebelum meletusnya krisis menjadi bertambah buruk akibat krisis tersebut. Hasilnya eksport menjadi negatif pada bulan Mac (Feb: 9%) ekoran eksport automobil, produk separa konduktor dan elektronik yang lebih rendah. Pada suku pertama, eksport hanya meningkat sebanyak 2.7% (S4 10: 10%). Di dalam negeri, perbelanjaan isi rumah merosot lagi pada kadar 3.2% pada suku pertama (S4 10: -1.4%) apabila sentimen isi rumah terjejas oleh krisis nuklear. Tekanan deflasi terus ketara dengan kemerosotan harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar), walaupun pada kadar lebih perlahan 0.2% (S4 10: -0.5%).

Di Amerika Syarikat, ***Federal Reserve*** *(Fed)* mengekalkan kadar federal funds antara 0 - 0.25% dan meneruskan pembelian sekuriti Perbendaharaan jangka panjang bernilai USD600 bilion yang disasarkan untuk disempurnakan pada akhir suku kedua 2011. Pada suku pertama, **European Central Bank** (ECB) telah menunjukkan tanda-tanda bahawa ia akan menaikkan kadar faedah sebagai tindak balas terhadap tekanan inflasi yang kian meningkat. Berikutan itu, ECB menaikkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 1.25% pada 7 April. Langkah sebaliknya diambil oleh **Bank of England** (BoE) dalam mengimbangi antara inflasi yang lebih tinggi dengan pemulihan ekonomi yang agak lemah. Lantaran itu BoE mengambil keputusan untuk tidak mengubah kadar dasarnya pada 0.5% dan mengekalkan saiz program pembelian aset pada £200 bilion.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010			2011	Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	11.9	9.8	10.3	9.7	Disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, berbanding dengan sumbangan negatif daripada permintaan luar negeri.
Singapura	16.4	12.0	14.5	8.5[a]	Pertumbuhan diterajui oleh peningkatan dalam sektor perkilangan.
Hong Kong SAR	8.0	6.4	7.0	7.2	Dipacu terutamanya oleh eksport yang bertambah baik dan penggunaan swasta yang terus kukuh.
Indonesia	5.6	6.9	6.1	6.5	Pertumbuhan disokong oleh peningkatan dalam penggunaan swasta, pelaburan dan eksport.
China Taipei	13.6	6.9	10.8	6.2[a]	Disebabkan terutamanya oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dan prestasi eksport yang terus kukuh.
Korea	8.5	4.7	6.2	4.2[a]	Disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang lebih tinggi dan penggunaan swasta yang berterusan.

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Bank of Japan (BoJ) mengekalkan kadar dasar semalamannya antara 0 – 0.1% pada suku pertama. Walau bagaimanapun, sebagai reaksinya kepada bencana alam tersebut, bank pusat tersebut mengumumkan suntikan mudah tunai sebanyak ¥55.6 trilion ke dalam sistem perbankan sebagai langkah jangka pendek untuk menjamin kestabilan pasaran kewangan. Selain itu, BoJ juga menggandakan saiz program pembelian asetnya untuk membeli bon kerajaan dan bon korporat sehingga ¥10 trilion. Pada bulan April, BoJ memperkenalkan program pemberian pinjaman satu tahun sebanyak ¥1 trilion pada kadar 0.1% untuk membantu syarikat di wilayah yang terjejas. Bank pusat itu turut mengumumkan akan membesarkan kumpulan cagaran yang layak untuk operasi pasaran kewangan agar dapat memastikan terdapatnya keupayaan pembiayaan yang mencukupi untuk institusi kewangan di wilayah yang terjejas.

Aktiviti ekonomi di rantau **Asia** kekal kukuh pada suku pertama. Walaupun pertumbuhan menjadi sederhana berbanding dengan suku sebelumnya, prestasi pada keseluruhannya adalah lebih baik daripada yang dijangkakan kerana pertumbuhan terus mendapat sokongan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan selain diperkuat oleh permintaan luar negeri yang semakin baik. Prestasi eksport yang bertambah baik khususnya disebabkan oleh permintaan yang semakin meningkat daripada ekonomi serantau dan juga AS, terutamanya permintaan terhadap keluaran elektrik dan elektronik. Impak daripada gangguan pengeluaran di Jepun terhadap eksport serantau setakat ini adalah bercampur-campur. Sementara China Taipei dan Singapura mencatat eksport yang lebih perlahan ke Jepun pada bulan Mac disebabkan oleh penghantaran alat dan komponen E&E yang lebih rendah, Korea pula mendapat manfaat daripada permintaan Jepun yang meningkat terhadap minyak dan keluaran keluli serta barangan yang diperlukan selepas berlakunya bencana alam seperti makanan dan minuman yang dibotolkan. Keadaan permintaan dalam negeri bagi ekonomi serantau terus menggalakkan seperti yang ditunjukkan oleh pengembangan berterusan dalam pemberian pinjaman bank dan jualan runcit. Pertumbuhan di **Singapura** berkembang sebanyak 8.5% (S4 10: 12%) dipacu oleh pengembangan dalam sektor perkilangan, terutamanya kelompok elektronik dan kejuruteraan persis (precision engineering). **RR China** mencatat pertumbuhan sebanyak 9.7% (S4 10: 9.8%), didorong oleh pengembangan berterusan sektor perkilangannya. Di **Korea** pula, ekonominya berkembang sebanyak 4.2% (S4 10: 4.7%), disumbangkan terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi dan perbelanjaan penggunaan swasta yang mampan. Ekonomi **China Taipei** berkembang sebanyak 6.2% (S4 10: 6.9%), terutamanya hasil daripada aktiviti penggunaan swasta yang lebih giat susulan prestasi eksport yang terus kukuh. Ekonomi **Indonesia** berkembang pada kadar 6.5% pada suku pertama (S4 10: 6.9%) dengan pertumbuhan yang menyeluruh dipacu oleh penggunaan swasta, pelaburan dan eksport.

Di **Hong Kong SAR**, ekonominya mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada 7.2% (S4 10: 6.4%), didorong terutamanya oleh eksport yang bertambah baik dan penggunaan swasta yang terus kukuh.

Inflasi terus meningkat dengan pantas disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Keadaan ini telah mengerakkan tindak balas dasar bank-bank pusat serantau pada suku pertama dengan imbangan risiko kini beranjak ke arah membendung inflasi. Bentuk tindak balas tersebut termasuk menaikkan kadar dasar seperti dilaksanakan di RR China, India, Indonesia, Korea, Filipina, China Taipei, Thailand dan Vietnam. Begitu juga, dalam usaha untuk memastikan harga terus stabil dalam jangka sederhana, pihak **Monetary Authority of Singapore** mengubah semula jalur (band) dasar kadar pertukaran ke arah menaik pada bulan April. Bagi ekonomi yang menerima aliran modal yang amat tidak menentu, langkah kehematan makro dilaksanakan untuk melengkapi dasar monetari dalam menghadapi kelemahan dan kebimbangan kewangan. **Bank Indonesia** menaikkan keperluan rizab pegangan pertukaran asingnya, manakala **People's Bank of China** pula meningkatkan keperluan rizab terhadap bank berkanun. **Central Bank of the Republic of China (China Taipei)** mengehadkan pegangan *non-deliverable forwards* (NDF) bank dan opsyen dalam mata wang tempatan. Selain itu, sebagai tindak balas terhadap tekanan inflasi yang kian meningkat, beberapa pihak berkuasa di rantau ini melaksanakan pelbagai langkah pentadbiran untuk menangani inflasi (Korea, Thailand dan Indonesia).

Harga **minyak mentah**[1] terus naik pada suku pertama, dengan harga purata pada USD94 setong (S4 10: USD85 setong). Kebimbangan yang meningkat terhadap gangguan bekalan ekoran ketegangan politik di beberapa negara di wilayah MENA telah memberikan tekanan menaik terhadap harga minyak mentah.

Trend menaik yang berterusan pada suku pertama ini turut didorong oleh jangkaan bahawa permintaan akan meningkat berikutan pemulihan ekonomi global. Menjelang akhir suku pertama, harga minyak mentah kekal melebihi paras USD100 setong lantas mencatat kenaikan sebanyak 16.8% daripada paras harga awal tahun. Pada 29 April, harga minyak mentah naik kepada USD113.93 setong, paras tertinggi sejak bulan September 2008.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, euro dan paun sterling menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku pertama, ekoran prospek ekonomi yang lebih baik dalam ekonomi utama di kawasan euro. Kenaikan tersebut juga disebabkan oleh ramalan pasaran terhadap kenaikan kadar yang lebih awal daripada jangkaan oleh ECB dan BoE. Yen juga terus teguh berbanding dengan dolar AS untuk mencapai paras tertingginya ¥76.25 pada 17 Mac. Kenaikan ini mencerminkan spekulasi pasaran tentang penghantaran balik dana ke Jepun ekoran gempa bumi baru-baru ini berdasarkan pengalaman lalu semasa berlakunya gempa bumi Kobe pada tahun 1995. Ini telah mendorong campur tangan pertukaran asing secara terselaras oleh ekonomi G7 pada 18 Mac. Hasilnya, yen menurun kepada ¥81.16. Kebanyakan mata wang serantau juga menjadi kukuh berbanding dengan dolar AS pada suku pertama berikutan aliran modal yang berterusan ke dalam rantau tersebut, yang dirangsang oleh prospek pertumbuhan yang secara relatif menggalakkan. Namun, kadar penambahan nilai mata wang dihadkan oleh peningkatan aktiviti penghindaran risiko ekoran meningkatnya ketidakpastian berhubung dengan kenaikan harga komoditi global dan kesan bencana di Jepun yang mungkin menjejaskan rantaian penawaran global. Pada 29 April, yuan China diniagakan pada kadar tertinggi dalam tempoh 17 tahun, pada 6.4905 bagi setiap dolar AS, manakala dolar Singapura mencapai paras tertingginya yang baharu, iaitu SGD1.2232 bagi setiap dolar AS pada 2 Mei.

[1] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

Melangkah ke hadapan, sungguhpun unjuran pertumbuhan asas terus utuh, risiko yang boleh menjejaskan kemampanan pertumbuhan global, nyata lebih tinggi memandangkan terdapat ketidakpastian yang ketara berikutan harga minyak dunia yang lebih tinggi, serta kesan bencana di Jepun terhadap rangkaian pengeluaran global dan kebimbangan yang berpanjangan berhubung dengan masalah fiskal dalam ekonomi maju. Pemulihan global yang mula kelihatan mungkin akan terjejas sekiranya harga minyak kekal tinggi untuk jangka masa yang panjang. Selain itu, kesan sepenuhnya daripada krisis di Jepun terhadap rantaian penawaran global serta ekonomi global masih tidak jelas memandangkan negara itu merupakan pengeluar global bagi banyak alat kelengkapan dan komponen penting industri E&E dan automobil. Isu fiskal yang masih dihadapi di kawasan euro dan AS mungkin menimbulkan keadaan ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran kewangan global memandangkan para pelabur bimbang mengenai kemampanan rangka kerja fiskal dalam ekonomi-ekonomi tersebut. Perkara ini, bersama-sama dengan tahap ketidakpastian yang tinggi, akan menambah lagi pelbagai cabaran yang rumit kepada persekitaran untuk merumuskan dasar monetari apabila pihak berkuasa kewangan menetapkan matlamat untuk mencapai keseimbangan antara mengekalkan inflasi pada tahap rendah dan stabil sambil menggalakkan pertumbuhan dan mengekalkan kestabilan kewangan.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan mampan pada suku pertama

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 4.6% pada suku pertama 2011, didorong oleh permintaan dalam negeri yang teguh dan pengembangan permintaan luar negeri yang lebih kukuh. Pengembangan permintaan dalam negeri yang teguh disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Permintaan luar negeri pula mencatat prestasi yang bertambah baik pada suku tersebut disokong oleh permintaan serantau terhadap komoditi dan produk bukan E&E. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi utama, kecuali sektor komoditi utama, terus berkembang pada suku pertama, namun pada kadar yang lebih sederhana.

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri telah berkembang sebanyak 6.6% pada suku pertama (S4 10: 5.9%), disokong terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta dan penggunaan sektor awam.

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 6.7% pada suku pertama (S4 10: 6.4%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang mampan, sentimen pengguna yang positif dan kenaikan pendapatan yang berterusan. Perbelanjaan pengguna turut dirangsang oleh promosi jualan yang diadakan pada awal suku pertama bersempena dengan sambutan perayaan. Penunjuk penggunaan utama seperti jualan kereta penumpang, perbelanjaan kad kredit dan pemberian pinjaman bank untuk penggunaan terus menunjukkan trend positif yang kukuh, mencerminkan aktiviti penggunaan yang mantap pada suku pertama. Walaupun Indeks Sentimen Pengguna MIER suku pertama lebih rendah pada 108.2 mata (S4 10: 117.2 mata), ia kekal melebihi penanda aras 100 mata sebagai mencerminkan keyakinan pengguna yang terus positif.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)


	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	5.5	5.9	6.3	6.6
Penggunaan	5.4	4.8	5.2	6.6
Sektor swasta	*5.2*	*6.4*	*6.5*	*6.7*
Sektor awam	*6.8*	*0.1*	*0.5*	*6.1*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	*5.8*	*10.0*	*9.8*	*6.5*
Eksport Bersih	-15.1	-19.2	-25.7	-24.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*19.1*	*1.7*	*9.9*	*3.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*27.8*	*3.5*	*15.1*	*8.4*
KDNK	**10.1**	**4.8**	**7.2**	**4.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan awam meningkat sebanyak 6.1% (S4 10: 0.1%) disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar berkembang sebanyak 6.5% (S4 10: 10%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Pelaburan sektor swasta disokong oleh pengembangan dalam pengeluaran seperti dicerminkan oleh kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dalam sektor perkilangan dan pelaksanaan berterusan projek pelaburan modal yang dirancang. Penunjuk pelaburan utama seperti jualan kenderaan perdagangan dan pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan mencatat prestasi kukuh lantas menunjukkan pengembangan aktiviti perbelanjaan perniagaan. Yang penting, sentimen perniagaan bertambah baik pada suku pertama seperti ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang melebihi tahap penanda aras 100 mata (113.3 mata; S4 10: 99.5 mata). Perbelanjaan modal sektor awam disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan perindustrian.

Perniagaan dan Pengguna Terus Optimistik



Sumber: MIER

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	7.2	-3.9	2.1	-0.3
Perlombongan	1.0	-1.2	0.2	-3.0
Perkilangan	17.1	6.2	11.4	5.4
Pembinaan	8.6	5.6	5.1	3.8
Perkhidmatan	8.6	6.1	6.8	5.9
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**10.1**	**4.8**	**7.2**	**4.6**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**-2.9**	**1.7**	**7.2**	**-3.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sederhana dalam kebanyakan sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi utama mencatat pengembangan berterusan pada suku pertama 2011. Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** adalah mampan, disokong oleh keadaan permintaan dalam negeri dan luar negeri yang menggalakkan. Pertumbuhan dalam **sektor perkilangan** disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dan prestasi yang mampan dalam beberapa industri berorientasikan dalam negeri. Sementara itu, sektor utama mengalami penguncupan yang lebih kecil pada suku pertama, mencerminkan kemerosotan pengeluaran akibat faktor-faktor berkaitan dengan penawaran.

Pertumbuhan mampan dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9% pada suku pertama (S4 10: 6.1%). Pertumbuhan dalam kebanyakan subsektor kekal menggalakkan selaras dengan keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang terus bertambah baik. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar pertumbuhan dengan sumbangan sebanyak 3.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan.

Subsektor **kewangan dan insurans** terus berkembang sebanyak 6.8% (S4 10: 3.7%), berikutan pertumbuhan berterusan dalam pemberian pinjaman bank dan peningkatan dalam pendapatan berasaskan fi. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 8.7%, disokong oleh aktiviti berkaitan dengan pasaran modal dan peningkatan berterusan dalam urus niaga harta tanah pada suku tersebut.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** mencatat pertumbuhan sebanyak 6.8% (S4 10: 8.3%) dengan pengembangan dalam jualan runcit dan kenderaan bermotor, hasil daripada sentimen pengguna yang positif dan perbelanjaan isi rumah yang mampan. Subsektor **penginapan dan restoran** berkembang sebanyak 4% (S4 10: 3.7%) berikutan cuti perayaan.

Subsektor **komunikasi** terus mencatat pertumbuhan sebanyak 6.5% (S4 10: 9.8%) dalam keadaan permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan data mudah alih dan jalur lebar, manakala subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** meningkat sebanyak 4.3% (S4 10: 5.2%) disokong terutamanya oleh permintaan lebih tinggi terhadap perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo, selaras dengan peningkatan dalam jumlah perdagangan.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2010 (%)	2010			2011
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**8.7**	**6.0**	**7.3**	**6.8**
Kewangan & insurans	20.3	7.1	3.7	6.4	6.8
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.5	14.2	8.7	7.8	8.7
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	8.1	5.2	6.9	4.3
Komunikasi	7.4	6.7	9.8	8.5	6.5
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**8.5**	**6.3**	**6.4**	**5.1**
Perdagangan borong & runcit	23.6	9.7	8.3	8.0	6.8
Penginapan & restoran	4.2	5.5	3.7	5.0	4.0
Utiliti	5.2	16.8	4.2	8.2	0.4
Perkhidmatan Kerajaan	13.0	7.6	6.1	5.8	5.3
Perkhidmatan lain	10.2	4.7	3.9	4.0	3.9
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**8.6**	**6.1**	**6.8**	**5.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2010				2011
	S1	S2	S3	S4	S1
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	114.2	110.4	115.8	117.2	108.2
Indeks Perdagangan Runcit MIER	106.9	134.1	140.0	132.0	99.1
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	120.5	118.2	118.8	124.6	113.1
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	5.3	3.9	5.6	1.2	-3.7
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	20.3	14.1	10.0	6.3	11.8
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	9.5	10.6	10.7	9.8	9.5
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	4.5	8.6	7.3	7.5	7.2
Import barangan penggunaan	18.5	13.3	3.2	6.9	5.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	22.7	17.4	3.7	9.3	7.5
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	22.5	21.3	10.9	9.6	14.4

Sumber: Pelbagai sumber

Pertumbuhan sederhana dalam sektor perkilangan

Nilai ditambah sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.4% pada suku pertama (S4 10: 6.2%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dan prestasi beberapa industri berorientasikan dalam negeri yang mampan.

Industri berorientasikan eksport berkembang sebanyak 4.8% pada suku pertama (S4 10: 4.6%) didorong oleh prestasi kelompok keluaran berasaskan sumber yang teguh, terutamanya segmen petroleum dan keluaran getah. Namun, pengeluaran kelompok E&E menguncup (-6.1%; S4 10: 0.1%), terutamanya disebabkan oleh kemerosotan berterusan dalam pengeluaran komputer peribadi serta peralatan dan separa konduktor.

Industri berorientasikan dalam negeri berkembang pada kadar lebih sederhana (8.6%; S4 10: 13.6%), terutamanya disokong oleh pertumbuhan kelompok berkaitan pembinaan (22.3%; S4 10: 22.2%), khususnya segmen keluaran logam yang direka dan keluaran galian bukan logam memandangkan kedua-dua industri ini terus mendapat manfaat daripada aktiviti pembinaan dalam negeri.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana sedikit pada suku pertama (79%; S4 10: 80%) mencerminkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan dalam sektor ini. Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 80% dan 76% daripada jumlah kapasiti (S4 10: masing-masing 82% dan 75%)


Prestasi Sektor Perkilangan

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**17.1**	**6.2**	**11.4**	**5.4**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**15.3**	**6.6**	**11.1**	**5.7**
Industri berorientasikan eksport	**14.5**	**4.6**	**9.7**	**4.8**
Kelompok elektronik dan barangan elektrik	**36.0**	**0.1**	**17.4**	**-6.1**
Antaranya:				
Elektronik	24.0	-16.5	3.2	-19.3
Barangan elektrik	65.0	34.7	47.4	17.7
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**4.5**	**7.2**	**5.7**	**11.4**
Antaranya:				
Bahan kimia dan keluaran kimia	24.7	4.7	11.5	5.5
Keluaran petroleum	-22.1	16.3	-2.4	26.1
Keluaran getah	37.8	12.7	20.8	13.5
Pemprosesan di luar estet	4.3	-14.1	-2.3	-7.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**18.1**	**13.6**	**15.6**	**8.6**
Kelompok keluaran berkaitan pembinaan	**21.8**	**22.2**	**18.9**	**22.3**
Antaranya:				
Keluaran berkaitan pembinaan	27.2	20.4	21.9	15.0
Keluaran logam yang direka	14.9	24.7	15.0	32.8
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**15.6**	**7.6**	**13.4**	**-1.0**
Antaranya:				
Kelengkapan pengangkutan	40.5	20.8	29.7	-4.5
Makanan, minuman & keluaran tembakau	2.5	9.3	8.8	6.2

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Penguncupan lebih perlahan dalam sektor utama

Sektor utama mengalami penguncupan yang lebih perlahan pada suku tersebut berbanding dengan suku keempat. Nilai ditambah dalam **sektor pertanian** menguncup sebanyak 0.3% pada suku pertama (S4 10: -3.9%), mencerminkan penurunan keluaran minyak sawit akibat hujan yang luar biasa lebatnya telah mengurangkan aktiviti kutipan hasil. Walau bagaimanapun, pengeluaran tanaman makanan kekal kukuh pada suku pertama. **Sektor perlombongan** menguncup sebanyak 3% (S4 10: -1.2%), mencerminkan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pengurusan reservoir dan kerja-kerja penyelenggaraan di medan minyak terpilih.

Prestasi Sektor Pertanian

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**7.2**	**-3.9**	**2.1**	**-0.3**
Tanaman Industri	**8.3**	**-10.2**	**-2.3**	**-8.4**
Tanaman Makanan	**6.6**	**4.9**	**7.9**	**8.9**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	1.9	-15.1	-3.3	-7.7
Getah	34.6	6.1	9.6	2.1
Ikan	-2.5	2.4	2.7	2.0
Ternakan	7.5	-2.2	2.4	-8.2[1]

[1] Jan-Feb 2011

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**1.0**	**-1.2**	**0.2**	**-3.0**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-2.0	-3.4	-3.5	-6.2
Gas asli	2.5	2.0	4.4	1.0

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sederhana dalam sektor pembinaan

Sektor pembinaan berkembang sebanyak 3.8% pada suku pertama (S4 10: 5.6%), disokong oleh pertumbuhan berterusan merentas semua subsektor. Pembinaan ruang pejabat dan ruang runcit yang berterusan menyokong aktiviti dalam subsektor bukan kediaman, manakala pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam mencerminkan kemajuan selanjutnya dalam pelaksanaan projek infrastruktur, termasuk permulaan projek sambungan LRT. Subsektor kediaman terus berkembang berikutan sentimen pengguna dan perniagaan yang positif, serta akses yang berterusan kepada pembiayaan.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan pengiklanan baharu	32.0	13.0	16.0	25.1
Kelulusan perumahan	13.9	31.7	23.6	31.6
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	21.8	22.2	18.9	22.3
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	40.5	49.7	53.6	29.3
Import bahan pembinaan dan bahan galian	54.2	23.1	27.9	-2.3[2]


[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Jan-Feb 2011

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi meningkat pada suku pertama

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada kadar tahunan 2.8% pada suku pertama 2011 (S4 10: 2.0%). Kenaikan harga pengguna sebahagian besarnya didorong oleh kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*, yang meningkat sebanyak 4.3% (S4 10: 2.9%). Kenaikan harga makanan adalah disebabkan oleh peningkatan sebanyak 12.4% (S4 10: 7.7%) dalam subkategori *sayur-sayuran* yang sebahagiannya disebabkan oleh keadaan cuaca buruk di dalam negeri. Harga dalam kategori *pengangkutan* turut mencatat kenaikan sebanyak 4.4% (S4 10: 2.5%) pada

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia


suku tersebut disebabkan oleh pelarasan menaik terhadap harga RON97 pada bulan Januari dan Februari susulan harga minyak mentah global yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut dan komunikasi.*

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.4% pada suku pertama 2011 (S4 10: 4.8%). Harga dalam komponen berkaitan komoditi adalah lebih tinggi pada 19.5% (S4 10: 13.0%) dan harga dalam komponen IHPR bukan berkaitan komoditi turut mencatat kenaikan lebih tinggi pada 1.7% (S4 10: 1.1%). Dari segi komposisi, harga komponen IHPR yang diimport mencatat kenaikan sebanyak 1.8% (S4 10: 1.1%) manakala harga komponen IHPR tempatan meningkat sebanyak 9.9% (S4 10: 6.6%).

Keadaan pasaran pekerja mampan

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan kekal positif pada suku pertama. Meskipun jumlah pemberhentian pekerja secara relatif lebih tinggi, jumlah kekosongan jawatan meningkat dengan ketara manakala kadar pengangguran keseluruhan secara relatif tidak berubah pada dua bulan pertama dalam suku tersebut. Jumlah pemberhentian pekerja bertambah kepada 2,621 orang (S4 10: 1,761 orang), disebabkan terutamanya oleh jumlah pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan yang lebih tinggi khususnya pada bulan Mac. Pertambahan bilangan pemberhentian pekerja adalah terutamanya dalam industri kayu, getah dan plastik yang secara kolektif mencakupi kira-kira 60% daripada jumlah pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan mencatat jumlah pemberhentian pekerja yang lebih kecil.

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Permintaan guna tenaga merentas semua sektor ekonomi, kecuali sektor perlombongan, menjadi lebih kukuh pada suku pertama. Jumlah jawatan kosong di Portal JobsMalaysia meningkat dengan ketara (568,717 jawatan; S4 10: 393,408 jawatan), berikutan jawatan kosong yang lebih banyak terutamanya dalam subsektor utiliti, kewangan dan perkhidmatan perniagaan. Sejajar dengan perkembangan ini, kadar pengangguran purata tidak berubah pada 3.2%.


Aktiviti perdagangan luar negeri bertambah baik

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM36.1 bilion pada suku pertama tahun 2011 (S4 10: RM25.5 bilion). Eksport kasar terus meningkat sebanyak 7.5% (S4 10: 3.4%), mencerminkan pengembangan dalam semua sektor eksport utama. Import kasar juga terus meningkat sebanyak 12.4% (S4 10: 10.1%), didorong terutamanya oleh import barangan pengantara.

Pertumbuhan **eksport kasar** yang menyeluruh mencerminkan pemulihan dalam **eksport perkilangan** (3%; S4 10: -0.4%), yang didorong oleh permintaan luar yang lebih kukuh untuk keluaran elektronik, terutamanya semikonduktor. Pertumbuhan yang berterusan dalam eksport keluaran bukan E&E adalah disebabkan oleh permintaan serantau yang lebih tinggi untuk jentera, peralatan dan alat ganti, kelengkapan optik dan saintifik serta keluaran berasaskan sumber. **Eksport komoditi** terus mencatat pertumbuhan kukuh, memperoleh manfaat daripada harga yang lebih tinggi bagi sebahagian besar komoditi dan permintaan yang berterusan daripada rantau ini.

Import kasar mencatat pertumbuhan lebih kukuh disebabkan oleh import barangan pengantara yang lebih tinggi, seiring dengan peningkatan dalam eksport perkilangan. Import barangan modal dan barangan pengguna terus meningkat dalam keadaan sentimen perniagaan dan pengguna yang positif dalam ekonomi dalam negeri.

Prestasi Perdagangan Luar Negeri




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**34.5**	**3.4**	**15.7**	**7.5**
Perkilangan	33.2	-0.4	12.0	3.0
E&E	*36.3*	*-8.0*	*9.7*	*-0.8*
Bukan E&E	*29.6*	*9.9*	*15.0*	*7.4*
Komoditi	40.0	15.9	26.8	20.1
Pertanian	*45.8*	*33.1*	*29.5*	*25.1*
Mineral	*36.3*	*5.0*	*25.0*	*16.7*
Import Kasar	**35.6**	**10.1**	**21.7**	**12.4**
Barangan modal	9.7	9.4	16.2	9.3
Barangan pengantara	37.9	10.5	22.1	13.2
Barangan penggunaan	18.5	6.9	10.1	5.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**38.9**	**25.5**	**110.2**	**36.1**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2010			2011	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)				Bahagian daripada jumlah eksport (%)			
Amerika Syarikat	**10.8**	**-11.0**	**0.2**	**-6.6**	**9.4**	**9.1**	**9.5**	**8.2**
Kesatuan Eropah (EU)	**29.1**	**0.3**	**14.3**	**6.3**	**10.6**	**10.8**	**10.7**	**10.5**
Negara ASEAN terpilih[1]	**39.1**	**1.9**	**14.0**	**-0.2**	**25.9**	**25.3**	**25.1**	**24.0**
Timur Laut Asia	**57.1**	**1.6**	**20.0**	**9.7**	**25.1**	**24.3**	**24.6**	**25.6**
Republik Rakyat China	*67.8*	*0.0*	*19.7*	*9.4*	*13.1*	*12.4*	*12.6*	*13.3*
Hong Kong SAR	*36.8*	*-0.7*	*11.8*	*10.0*	*4.9*	*5.0*	*5.1*	*5.0*
China Taipei	*76.4*	*30.6*	*39.0*	*18.0*	*2.8*	*3.3*	*3.2*	*3.1*
Korea	*43.5*	*-8.8*	*19.1*	*4.9*	*4.3*	*3.6*	*3.8*	*4.2*
Asia Barat	**17.0**	**11.0**	**4.0**	**17.6**	**3.3**	**3.7**	**3.5**	**3.6**
India	**21.3**	**20.2**	**21.1**	**37.7**	**3.3**	**3.3**	**3.3**	**4.2**
Jumlah eksport	**34.5**	**3.4**	**15.7**	**7.5**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

FDI menjadi sederhana manakala pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)* berjumlah RM7.8 bilion pada suku pertama selepas mencatat jumlah yang amat besar sebanyak RM13 bilion pada suku keempat tahun 2010. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih juga lebih rendah pada RM4.6 bilion (S4 10: +RM8.6 bilion). Aliran masuk kasar FDI adalah menyeluruh, dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan. Dalam sektor perkilangan, sebahagian besar daripada aliran masuk disalurkan ke dalam industri elektrik dan elektronik serta industri berkaitan petroleum. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya kepada syarikat dalam subsektor kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan perdagangan borong dan runcit.

Pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA)* oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM3.8 bilion pada suku pertama (S4 10: -RM3.9 bilion), mencerminkan terutamanya aliran keluar modal ekuiti yang lebih rendah, yang lebih daripada mengimbangi pemberian pinjaman bersih antara syarikat yang lebih besar yang diberikan kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Sebahagian besar pelaburan dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan komunikasi. Pelaburan yang besar turut dibuat dalam sektor minyak dan gas, dan sektor perkilangan.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM4.7 bilion pada suku pertama (S4 10: +RM3.3 bilion). Aliran masuk yang lebih besar ini mencerminkan penyertaan asing yang amat menggalakkan dalam pasaran modal dalam negeri, terutamanya pasaran hutang. Meskipun terdapat kebimbangan tentang ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan Afrika serta kesan buruk bencana alam di Jepun baru-baru ini, aliran masuk dana portfolio asing terus disokong oleh prospek pertumbuhan positif dalam ekonomi Malaysia dalam keadaan ringgit terus bertambah kukuh. Perkembangan ini juga secara amnya dialami oleh ekonomi lain di rantau Asia.

*Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan

Hutang luar negeri kekal terurus

Jumlah hutang luar negeri Malaysia ialah RM233.4 bilion atau USD77.1 bilion pada akhir bulan Mac 2011 (akhir bulan Disember 2010: RM227.1 bilion atau USD72.8 bilion), bersamaan dengan 29% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang menjadi sederhana kepada RM142.4 bilion (akhir bulan Disember 2010: RM147.7 bilion), mencerminkan terutamanya kedudukan pembayaran balik bersih dalam sektor awam, sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran balik beberapa peminjaman besar oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan. Walau bagaimanapun, hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang sektor swasta mencatat peningkatan yang sedikit pada suku tersebut, mencerminkan terutamanya peminjaman yang lebih tinggi dalam sektor perbankan.

Pada akhir bulan Mac 2011, **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM91 bilion atau USD30.1 bilion (akhir bulan Disember 2010: RM79.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 39% daripada jumlah hutang luar negeri. Paras rizab antarabangsa terkini pada 29 April 2011 mampu membiayai 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM344.5 bilion (bersamaan dengan USD113.8 bilion) pada 31 Mac 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 April 2011, kedudukan rizab berjumlah RM393.2 bilion (bersamaan dengan USD130 bilion), memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.


Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2010		2011
	akhir-Mac	akhir-Dis	akhir-Mac[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	147.2	147.7	142.4
Sektor awam	80.9	83.3	77.2
Sektor swasta	66.3	64.3	65.1
Hutang jangka pendek[1]	72.1	79.4	91.0
Jumlah hutang luar negeri	**219.3**	**227.1**	**233.4**
bersamaan USD bilion	66.4	72.8	77.1
Hutang Luar Negeri Terkumpul/ PNK (%)	29.6	30.7	29.0
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.3	4.1	4.3[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Rizab antarabangsa pada 29 April 2011
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit fiskal lebih rendah berikutan hasil yang lebih tinggi

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal lebih rendah sebanyak 2.6% daripada KDNK pada suku pertama (S1 10: -5.6% daripada KNDK), disebabkan oleh pungutan hasil yang lebih tinggi terutamanya daripada cukai petroleum dan cukai pendapatan korporat. Jumlah perbelanjaan meningkat dengan sederhana sebanyak 15%, sebahagian besarnya disumbang oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Peningkatan ini disebabkan oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk khidmat bayaran hutang dan pencen. Defisit dibiayai melalui sumber dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2011, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM430.2 bilion atau 51.8% daripada KDNK.


Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	28.7	45.8	159.7	39.8
% pertumbuhan	-19.9	7.6	0.6	38.4
Perbelanjaan mengurus	31.9	44.1	151.6	38.7
% pertumbuhan	-7.1	-4.6	-3.5	21.2
Akaun semasa	**-3.2**	**1.7**	**8.0**	**1.1**
% daripada KDNK	***-1.7***	***0.8***	***1.0***	***0.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	7.3	20.8	52.8	6.4
% pertumbuhan	-11.4	18.6	6.6	-12.0
Imbangan keseluruhan	**-10.2**	**-18.2**	**-43.3**	**-5.2**
% daripada KDNK	***-5.6***	***-8.9***	***-5.6***	***-2.6***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	39.2	64.9	204.4	45.1
% pertumbuhan	*-8.0*	*1.8*	*-1.0*	*15.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	378.3	407.1	407.1	430.2
% daripada KDNK	*49.4*	*53.1*	*53.1*	*51.8*
Hutang dalam negeri	365.6	390.4	390.4	414.2
% daripada KDNK	*47.7*	*51.0*	*51.0*	*49.9*
Hutang luar negeri	12.7	16.7	16.7	15.9
% daripada KDNK	*1.7*	*2.2*	*2.2*	*1.9*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.75% pada suku pertama 2011. Pada 5 Mei 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus selaras dengan tahap dasar monetari yang akomodatif. Pada kadar OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan.

Kadar antara bank semalaman purata adalah stabil, bergerak dalam julat 2.67% hingga 2.75% pada tempoh 1 Januari – 31 Mac 2011. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil.

Dari segi kadar deposit runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Mac, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.71% hingga 2.98%.


Kadar pinjaman runcit juga stabil pada suku tersebut. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27%. Kadar pinjaman purata bagi pinjaman terkumpul juga stabil pada 5.06% (akhir bulan Disember: 5.05%).

Kadar Faedah

	2010		2011
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.25	2.75	2.75
Kadar antara bank			
Semalaman	2.18	2.72	2.74
1 bulan	2.35	2.83	2.79
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.76	6.27	6.27
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	4.96	5.05	5.06
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	2.28	2.74	2.74
12 bulan	2.67	2.97	2.98


Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada kadar yang mampan pada suku pertama 2011. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM28.2 bilion pada suku tersebut. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 14% pada akhir bulan Mac 2011 (akhir bulan Disember 2010: 11.7%). Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat iaitu 8.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2010: 7.0%), dan meningkat sebanyak RM27.3 bilion daripada suku sebelumnya.

Peningkatan M3 pada suku pertama disokong terutamanya oleh aliran masuk asing bersih, mencerminkan aliran masuk portfolio yang lebih tinggi dan lebihan perdagangan luar negeri Malaysia. Wang secara luas juga berkembang disebabkan oleh pemberian kredit yang lebih tinggi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Sektor swasta menambah pemegangan sekuriti hutang Bank Negara Malaysia, yang dibeli daripada institusi perbankan. Ambilan deposit bagi membiayai pembelian sekuriti ini telah memberikan kesan penguncupan terhadap M3, dan dicatat di bawah kategori *pengaruh lain* dalam statistik monetari.

Bank menaikkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement ratio, SRR) sebanyak 100 mata asas pada bulan Mac dan 100 mata asas lagi pada bulan Mei 2011. Peralihan secara besar-besaran dalam mudah tunai global telah menyebabkan aliran modal yang besar ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Lantaran itu, keputusan untuk menaikkan SRR diambil adalah sebagai langkah awalan untuk menguruskan risiko peningkatan mudah tunai yang mendorong aktiviti pemberian pinjaman dan pengambilan risiko secara berlebihan, yang boleh mengakibatkan pengumpulan ketidakseimbangan kewangan.


Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**14.5**	**30.5**	**71.7**	**27.3**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-2.4	-3.4	-8.1	-3.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	16.7	29.1	84.9	22.9
Pinjaman	*19.7*	*28.6*	*92.0*	*26.5*
Sekuriti	*-3.1*	*0.5*	*-7.1*	*-3.7*
Aset asing bersih[1]	11.6	15.9	64.3	25.2
BNM	*1.3*	*17.1*	*30.8*	*15.8*
Sistem Perbankan	*10.3*	*-1.2*	*33.6*	*9.3*
Pengaruh lain	*-11.4*	-11.2	-69.4	-17.0

[1] Sebelum penilaian semula


Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	S1 10	S4 10	2010	S1 11	S1 10	S4 10	2010	S1 11
Jumlah pembiayaan kasar	**189.8**	**221.0**	**803.6**	**202.0**	**20.5**	**2.1**	**8.7**	**6.4**
Pengeluaran pinjaman	174.3	188.9	724.6	188.6	17.6	1.0	10.2	8.2
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	4.4	17.4	46.9	12.2	-50.8	5.9	-16.4	174.8
Ekuiti	11.0	14.7	32.1	1.1	7,530.8	12.0	23.4	-89.8
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**18.6**	**37.8**	**120.5**	**33.4**	**9.4**	**11.3**	**11.3**	**12.5**
Sistem perbankan	19.3	29.5	101.0	25.9	8.5	11.9	11.9	12.4
Baki pinjaman (A)	*22.2*	*29.1*	*99.8*	*28.8*	*9.8*	*12.7*	*12.7*	*13.2*
Pemegangan PDS	*-2.9*	*0.4*	*1.2*	*-2.9*	*-6.5*	*2.0*	*2.0*	*2.1*
PDS terkumpul (B)	-3.6	8.7	20.8	4.6	8.4	7.4	7.4	10.5
Memoranda								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	4.7	18.3	52.1	12.2	-49.5	11.4	-11.0	161.3


Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada suku pertama

Keadaan pembiayaan pada suku pertama terus menyokong aktiviti ekonomi. Akses yang berterusan kepada pembiayaan, kos peminjaman yang agak rendah dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan menyokong permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor swasta. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal mampan pada RM202 bilion pada suku pertama (S4 10: RM221 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 12.5% pada akhir bulan Mac (S4 10: 11.3%).


Penunjuk pinjaman utama kekal teguh pada suku pertama. Walaupun permohonan dan kelulusan pinjaman menjadi sederhana pada bulan Februari berikutan jumlah hari bekerja yang kurang sedikit disebabkan oleh cuti perayaan Tahun Baharu Cina, aktiviti tersebut kembali meningkat dengan nyata pada bulan Mac. Dalam sektor perniagaan, pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya peningkatan keperluan modal kerja oleh syarikat dalam sektor *perkilangan; pertanian dan perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*. Permintaan terhadap pembiayaan baharu kekal pada paras tinggi dengan permohonan yang lebih tinggi daripada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; pendidikan, kesihatan dan lain-lain; harta tanah* dan *perkilangan*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 10.9% pada akhir bulan Mac (S4 10: 9.4%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	S1 10	S4 10	2010	S1 11	S1 10	S4 10	2010	S1 11
Jumlah								
Permohonan pinjaman	132.9	173.5	641.3	168.5	23.5	22.9	23.0	26.8
Kelulusan pinjaman	70.1	91.8	343.4	87.6	20.8	14.1	19.7	25.0
Pengeluaran pinjaman	174.3	188.9	724.6	188.6	17.6	1.0	10.2	8.2
Bayaran balik pinjaman	154.5	167.9	649.3	168.1	11.8	3.4	9.1	8.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	22.2	29.1	99.8	28.8	9.8	12.7	12.7	13.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	60.0	82.1	298.4	79.6	15.3	34.1	25.5	32.6
Kelulusan pinjaman	29.3	43.4	159.3	38.9	12.2	17.0	24.7	32.8
Pengeluaran pinjaman	117.2	124.6	483.2	122.1	16.1	-1.2	9.8	4.2
Bayaran balik pinjaman	105.3	113.0	443.1	109.8	12.4	0.2	8.8	4.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.9	13.4	28.5	11.3	5.4	9.4	9.4	10.9
PKS**								
Permohonan pinjaman	27.9	34.2	128.3	37.7	38.1	14.9	22.7	35.0
Kelulusan pinjaman	12.9	14.4	57.8	16.4	45.6	13.5	27.7	27.3
Pengeluaran pinjaman	35.5	39.8	147.2	41.6	2.3	4.0	2.7	17.3
Bayaran balik pinjaman	33.4	37.4	137.2	37.2	3.6	7.3	3.8	11.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.4	3.5	3.0	3.4	9.1	2.4	2.4	2.4
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	32.1	47.9	170.1	41.9	0.8	52.3	27.7	30.5
Kelulusan pinjaman	16.4	29.0	101.5	22.2	-5.0	18.9	23.1	37.1
Pengeluaran pinjaman	81.7	84.8	336.0	80.4	23.4	-3.4	13.2	-1.5
Bayaran balik pinjaman	71.8	75.6	306.0	72.6	17.1	-3.0	11.2	1.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.5	18.1	25.5	7.9	3.0	14.2	14.2	17.0
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	72.8	91.4	342.9	88.9	31.3	14.3	20.9	22.0
Kelulusan pinjaman	40.8	48.3	184.1	48.8	27.8	11.5	15.6	19.4
Pengeluaran pinjaman	57.2	64.3	241.4	66.6	20.6	5.6	11.1	16.4
Bayaran balik pinjaman	49.3	54.9	206.2	58.3	10.6	10.6	9.8	18.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.8	14.2	57.9	14.8	11.7	13.4	13.4	13.2

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S1 10	S4 10	2010	S1 11		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**117.2**	**124.6**	**483.2**	**122.1**	**64.7**	**44.7**
Syarikat besar	*81.7*	*84.8*	*336.0*	*80.4*	*42.6*	*30.3*
*PKS**	*35.5*	*39.8*	*147.2*	*41.6*	*22.1*	*14.4*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	9.2	5.3	24.6	5.6	3.0	2.2
Perlombongan dan kuari	0.8	1.2	3.5	1.1	0.6	0.4
Perkilangan	33.4	36.8	144.0	41.2	21.9	9.5
Pembinaan	9.2	11.9	42.8	10.3	5.4	4.2
Harta tanah	5.2	7.5	23.7	6.4	3.4	4.4
Bekalan elektrik, gas dan air	0.8	2.6	5.3	1.5	0.8	1.4
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	28.0	30.9	122.8	30.8	16.3	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.4	4.3	19.7	4.4	2.3	2.9
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	13.5	17.8	59.5	14.9	7.9	7.3
Isi rumah	**57.2**	**64.3**	**241.4**	**66.6**	**35.3**	**55.3**
Pembelian harta kediaman	14.9	15.1	57.8	15.0	8.0	25.5
Kredit penggunaan	33.4	39.9	149.4	40.1	21.3	20.4
Antaranya:						
Kad kredit	*18.4*	*23.4*	*83.1*	23.3	12.3	3.2
Pembelian kereta penumpang	*8.8*	*9.1*	*37.2*	*8.9*	*4.7*	*12.3*
Lain-lain	8.9	9.3	34.1	*11.4*	*6.1*	*9.4*
Jumlah	**174.3**	**188.9**	**724.6**	**188.6**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga terus kukuh. Permintaan terhadap pinjaman adalah terutamanya untuk *pembelian sekuriti, kereta penumpang dan kegunaan peribadi*. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah turut meningkat pada suku pertama. Dengan itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM14.8 bilion pada suku pertama dan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 13.2% pada akhir bulan Mac (S4 10: 13.4%).

Aktiviti pemerolehan dana kekal kukuh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku pertama berjumlah RM29.7 bilion (S4 10: RM30.5 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor awam (RM24.6 bilion) melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10.5 tahun dan 3.5 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 7.5 tahun dan 3.5 tahun serta pembukaan semula MGS 5.5 tahun.

Dalam sektor swasta, aktiviti perolehan dana tertumpu pada pasaran bon. Dana kasar yang diperoleh melalui terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terus kukuh pada RM12.2 bilion (S4 10: RM18.3 bilion). Terbitan sebahagian besarnya dilaksanakan oleh syarikat dalam sektor kewangan dan utiliti dan Syarikat Tujuan Khas (Special Purpose Vehicle, SPV) Kerajaan. Sama seperti suku sebelumnya, dana digunakan terutamanya untuk pembiayaan semula dan tujuan lain. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui sekuriti hutang berjumlah RM4.0 bilion (S4 10: RM8.7 bilion). Sementara itu, dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti berjumlah RM1.1 bilion. Dana diperoleh melalui tawaran awam awal dan juga terbitan hak. Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh dalam sektor swasta berjumlah RM5.1 bilion pada suku pertama.

Kadar hasil meningkat berikutan inflasi yang lebih tinggi dan jangkaan terhadap pelarasan kadar dasar

Kadar hasil MGS pada suku pertama meningkat, disebabkan terutamanya oleh jangkaan inflasi yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga makanan dan bahan api global. Menjelang penghujung suku tersebut, kadar hasil mengalami tekanan menaik tambahan yang disebabkan oleh jangkaan dalam kalangan peserta pasaran tentang OPR yang bakal mengalami pelarasan. Peningkatan ini berlaku secara menyeluruh, dengan tanda aras MGS 3 tahun, 5 tahun and 10 tahun masing-masing mencatat kenaikan 35, 27 dan 6 mata asas.


Dalam pasaran PDS, kadar hasil bagi bon korporat turut bertambah sejajar dengan peningkatan kadar hasil tanda aras. Kertas penarafan AAA dan AA 5 tahun masing-masing

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**15.5**	**7.1**	**37.0**	**24.6**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	15.6	7.1	34.9	24.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*12.6*	*6.6*	*37.7*	*15.1*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*6.5*	*3.0*	*21.0*	*9.5*
Tolak: Penebusan	*3.5*	*2.5*	*23.9*	-
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	(0.1)	2.2	(0.1)
Oleh Sektor Swasta	**7.1**	**23.4**	**50.5**	**5.1**
Saham	11.0	14.7	32.1	1.1
Sekuriti hutang, *bersih*	(3.9)	8.7	18.4	4.0
Sekuriti Hutang Swasta	*4.7*	*18.3*	*52.1*	*12.2*
Tolak: Penebusan	*8.6*	*9.6*	*33.8*	*8.2*
Jumlah	**22.6**	**30.5**	**87.5**	**29.7**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia


Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am


Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Korporat 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

mencatat kenaikan sebanyak 3.9 dan 1.2 mata asas. Walau bagaimanapun, kertas penarafan A 5 tahun mencatat penurunan kecil sebanyak 1.5 mata asas, mencerminkan keadaan kredit yang bertambah baik dalam segmen pasaran PDS yang lebih rendah disebabkan oleh prospek ekonomi yang lebih cerah.


Urus niaga sekunder bertambah dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat dengan ketara kepada RM222 bilion pada suku pertama (S4 10: RM158 bilion). Urus niaga dalam segmen MGS adalah paling aktif, dengan nisbah mudah tunai yang lebih kukuh iaitu 0.67 (S4 10: 0.43). Nisbah mudah tunai bagi segmen PDS pula tidak berubah pada 0.07 manakala nisbah bagi segmen GII menurun kepada 0.24.

KLCI terus meningkat


FBM KLCI meningkat 26.2 mata untuk ditutup pada suku pertama pada 1,545.1 mata (akhir S4 10: 1518.9 mata). Walau bagaimanapun, prestasi KLCI pada suku pertama tidak sekukuh suku sebelumnya (+1.7% berbanding dengan +3.8%), mencerminkan trend yang secara amnya sama seperti trend dalam pasaran global dan serantau, disebabkan oleh aktiviti penghindaran risiko yang lebih tinggi akibat pergolakan di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara serta gempa bumi di Jepun. Walau

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Tahun 2011 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2010						2011	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	61.7	90.4	79.1	124.2	266.0	413.0	102.1	131.8
Antaranya:								
Papan Utama	52.4	88.1	65.7	121.1	225.5	403.0	84.1	128.4
Antaranya								
Produk Pengguna	2.8	3.7	3.6	5.5	15.3	19.3	4.0	5.4
Produk Industri	12.4	14.1	15.4	22.7	47.6	58.9	18.8	21.2
Pembinaan	3.1	4.9	4.5	8.7	16.4	29.0	4.6	9.0
Dagangan/Khidmat	16.1	28.8	19.3	40.0	68.2	140.2	33.5	46.2
Kewangan	4.2	20.8	4.6	22.7	17.7	86.2	4.4	24.6
Harta Benda	6.4	3.9	11.5	8.8	33.1	21.6	12.8	9.6
Perladangan	1.5	6.4	2.3	7.9	6.1	25.5	12.4	8.2
Infrastruktur	1.1	1.7	1.7	2.4	5.8	8.9	1.1	2.4
Papan Kedua[1]	-	-	-	-	-	-	-	-
Mesdaq[2]	5.4	1.2	5.6	1.3	20.3	3.9	8.3	1.2

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

bagaimanapun, keyakinan terhadap pasaran dalam negeri telah disokong oleh data ekonomi yang menggalakkan selain pengumuman tentang cadangan pelaksanaan Projek Permulaan (Entry Point Projects, EPP). Selain itu, perolehan korporat AS yang kukuh juga membantu meningkatkan sentimen pelabur di seluruh dunia. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1.31 trilion pada akhir bulan Mac 2011 (S4 10: RM1.28 trilion), manakala urus niaga purata harian pada suku tersebut meningkat dengan ketara kepada 1.73 bilion unit (S4 10: 1.28 bilion unit).

Pada 13 Mei 2011, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,540.7 mata (sejak akhir tahun 2010: +1.4%) dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.30 trilion (sejak akhir tahun 2010: +2.9%).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2010			2011
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,320.6	1,518.9	1,518.9	1,545.1
FBMEMAS[1]	8,957.2	10,375.0	10,375.0	10,612.5
FTSE Papan Kedua[2]	-	-	-	-
Pasaran ACE[3]	4,209.0	4,347.6	4,374.6	4,333.5
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,061.1	1,275.3	1,275.3	1,311.0
Bilangan syarikat yang disenaraikan	961	957	957	954
	Pada tempoh suku			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	1,046.6	1,276.5	1,021.2	1,730.1
Nilai (RM juta)	1,532.4	2,002.5	1,573.9	2,233.9

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[3] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia


Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama

Bagi keseluruhan suku pertama, ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Prospek pertumbuhan yang positif di Asia berbanding dengan ekonomi maju telah mendorong minat pelabur terhadap ekonomi serantau, yang terus menyokong ringgit dan mata wang serantau lain. Pertumbuhan KDNK Malaysia pada suku keempat, yang lebih baik daripada jangkaan, juga mendorong pengukuhan ringgit. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan yen Jepun (3.5%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-4.6%) dan paun sterling (-1.8%). Ringgit pada mulanya bertambah kukuh berbanding dengan yen Jepun disebabkan oleh gempa bumi di Jepun pada 11 Mac 2011, tetapi kemudiannya menyusut nilai berikutan pengumuman G7 mengenai campur tangan bersama untuk menstabilkan yen Jepun.

Euro bertambah kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang utama pada suku tersebut berikutan jangkaan kenaikan kadar faedah oleh European Central Bank. Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit menambah nilai berbanding dengan baht Thailand (2.3%), peso Filipina (1.1%) dan renminbi China (1.0%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-1.4%), rupiah Indonesia (-1.1%) dan dolar Singapura (-0.6%).


Pada tempoh antara 1 April hingga 16 Mei 2011, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-2.4%), euro (-0.1%) dan paun sterling (-0.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam julat -0.4% hingga -2.0% disebabkan oleh faktor khusus di negara-negara lain yang menyebabkan mata wang di negara-negara tersebut menambah nilai dengan lebih cepat berbanding dengan ringgit.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan
(1 Januari - 31 Mac 2011)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 10	S4 10	S1 11	21 Jul 05	S1 10	S4 10
Dolar AS	3.8000	3.2730	3.0835	3.0259	25.6	8.2	1.9
Euro	4.6212	4.3850	4.0804	4.2762	8.1	2.5	-4.6
Paun sterling	6.6270	4.9326	4.7817	4.8687	36.1	1.3	-1.8
100 yen Jepun	3.3745	3.5017	3.7869	3.6602	-7.8	-4.3	3.5
Dolar Singapura	2.2570	2.3354	2.3859	2.3994	-5.9	-2.7	-0.6
100 baht Thailand	9.0681	10.111	10.227	9.9947	-9.3	1.2	2.3
100 peso Filipina	6.8131	7.2236	7.0400	6.9637	-2.2	3.7	1.1
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0359	0.0344	0.0347	11.2	3.4	-1.1
100 won Korea	0.3665	0.2889	0.2707	0.2747	33.4	5.2	-1.4
Renminbi China	0.4591	0.4795	0.4662	0.4617	-0.6	3.9	1.0

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Sektor kewangan yang berdaya tahan dan pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur terus menyokong aktiviti pengantaraan dalam ekonomi dalam negeri. Bagi memastikan sektor isi rumah terus kukuh dan sistem kewangan terus stabil, Bank memperkenalkan beberapa langkah dasar pada suku pertama. Langkah-langkah awalan ini termasuk menerbitkan Garis Panduan baharu bagi Kad Kredit, cadangan untuk menggalakkan amalan pinjaman yang bertanggungjawab oleh institusi kewangan bagi pembiayaan runcit dan meningkatkan caj modal bagi pinjaman perumahan yang mempunyai nisbah loan-to-value melebihi 90% dan bagi pembiayaan peribadi jangka panjang. Inisiatif ini juga dilengkapkan dengan program pendidikan kewangan khusus mengenai pengurusan kewangan yang diperkenalkan untuk peminjam daripada golongan muda dan mereka yang pertama kali membuat pinjaman.

Risiko terhadap kestabilan kewangan terus rendah. Dedahan risiko kredit keseluruhan bagi sektor kewangan kekal terurus. Kedua-dua pinjaman terjejas dan tertunggak kekal stabil masing-masing pada 2.2% daripada pinjaman bersih (S4 10: 2.3%) dan 3.2% daripada pinjaman kasar (S4 10: 3.4%). Keupayaan khidmat bayar balik hutang isi rumah terus tidak berubah dengan nisbah hutang isi rumah kepada KDNK pada 76.4%. Paras jejas nilai bertambah baik sedikit kepada 2.2% daripada pinjaman isi rumah (S4 10: 2.3%). Paras bayaran balik hutang isi rumah ialah 53% (S4 10: 47.8%) daripada pendapatan.

Keadaan perniagaan yang bertambah baik pada suku pertama terus mendorong peningkatan kredit apabila sektor perniagaan beransur-ansur menambah perbelanjaan modal untuk meningkatkan kapasiti produktif mereka. Meskipun median Kebarangkalian Jangkaan Mungkir meningkat sedikit daripada 0.61% kepada 0.64% pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh kos pengeluaran yang lebih tinggi, keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh sektor perniagaan kekal kukuh kerana disokong oleh pertumbuhan yang stabil dalam pendapatan perniagaan. Nisbah pembayaran kepada pengeluaran kekal stabil pada 90%, manakala nisbah pinjaman jejas nilai kasar bertambah baik kepada 4.9% (S4 10: 5.2%). Prospek risiko kredit bagi sektor perniagaan dijangka positif kerana disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus menggalakkan.

Turun naik yang lebih ketara dalam pasaran ekuiti ekoran perkembangan luaran dan peningkatan dalam hasil MGS disebabkan oleh kebimbangan inflasi hanya memberikan kesan yang sangat kecil kepada sektor kewangan. Walaupun dalam keadaan ketidakpastian ini, pasaran kewangan domestik kekal teratur dengan keupayaan yang berterusan untuk melaksanakan fungsi pengantaraan bagi jumlah dan turun naik aliran kewangan yang meningkat.


Meskipun sistem kewangan terus menjadi penerima aliran masuk bersih pelaburan portfolio, yang meningkatkan lagi keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, namun belum ada tanda-tanda perubahan yang nyata dalam amalan pengambilan risiko oleh institusi kewangan. Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti terus kecil sebanyak 1.3% daripada modal asas pada akhir bulan Mac (S4 10: 1.2%), manakala dedahan sektor insurans dan takaful terhadap risiko ekuiti kekal pada 7.3% daripada modal asas. Sementara itu, risiko kadar faedah kekal kecil pada 4.3% daripada modal asas (S4 10: 4.9%) bagi bank dan 3.3% (S4 10: 3.3%) bagi sektor insurans dan takaful. Dengan jangkaan aliran masuk dana portfolio yang berterusan ke dalam negara, kesan daripada penambahan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik, jika tidak diuruskan dengan baik, akan mewujudkan risiko terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan. Sebagai langkah awalan, Bank Negara Malaysia telah menaikkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas pada bulan Mac dan menaikkan 100 mata asas sekali lagi kepada 3 peratus pada bulan Mei 2011 bagi menguruskan risiko penambahan mudah tunai ini, yang mungkin menyebabkan ketidakseimbangan kewangan dan mewujudkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Sektor kewangan kekal berdaya tahan, memberikan sokongan padu bagi pengantaraan kewangan aktiviti ekonomi dalam negeri

Permodalan sektor perbankan kekal pada tahap yang sangat memuaskan. Ekuiti dan rizab biasa terus mencakupi sebahagian besar dana modal sektor perbankan. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko kekal kukuh masing-masing pada 12.7% dan 14.3%. Penampan modal kekal melebihi RM60 bilion. Sektor insurans dan takaful menunjukkan daya tahan yang sama. Permodalan yang kukuh dicerminkan oleh nisbah kecukupan modal pada 225.7% dan lebihan modal sebanyak RM19.1 bilion. 91% daripada modal terdiri daripada modal Kumpulan-1 yang berkualiti tinggi.


Keuntungan sebelum cukai bank bagi suku pertama berjumlah RM6.9 bilion (S4 10: RM5.7 bilion) disebabkan oleh peruntukan kerugian pinjaman yang lebih rendah dan keuntungan yang ketara lebih tinggi daripada portfolio urus niaga dan pelaburan. Hasilnya, pulangan atas aset dan ekuiti purata meningkat masing-masing kepada 1.8% (S4 10: 1.5%) dan 18.9% (S4 10: 16.6%). Keuntungan pengunderaitan bagi penanggung insurans menurun sebanyak 6.3% kepada RM280.9 juta, disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah dan tuntutan keseluruhan yang ditanggung menjadi makin sederhana. Walau bagaimanapun, tuntutan untuk segmen motor kekal tinggi pada 73% pada suku pertama. Keuntungan kendalian bagi insurans am dan takaful am menjadi sederhana disebabkan oleh tuntutan motor yang lebih tinggi. Prestasi pasaran

Sistem Perbankan: Permodalan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Kualiti Modal




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keuntungan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

ekuiti yang terus kukuh sejak dari tahun 2010 mendorong pertumbuhan yang berterusan dalam produk berkaitan pelaburan bagi kedua-dua perniagaan hayat dan takaful keluarga. Bersama-sama dengan pendapatan pelaburan dan keuntungan pelaburan yang menjadi lebih sederhana, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi insurans hayat dan takaful keluarga meningkat kepada RM3.2 bilion (S1 10: RM2.9 bilion).

Mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan pengeluaran deposit dan kewajipan mudah tunai yang lain.

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,903.5	3,155.3	14,099.5	3,140.8
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	524.9	559.9	2,167.9	516.6
Nisbah tuntutan (%)	62.8	62.2	62.2	61.4

Sumber: Bank Negara Malaysia

Majlis Jamuan Makan Malam Mesyuarat Peringkat Tinggi FSI-EMEAP: "Penyeliaan dan Perbankan yang Lebih Baik pada Era Pascakrisis" Kuala Lumpur, 16 Januari 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berbesar hati untuk mengalu-alukan kedatangan para hadirin sekalian ke Mesyuarat Peringkat Tinggi Institut Kestabilan Kewangan (Financial Stability Institute, FSI) Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) bagi Penyelia-penyelia Perbankan. Bank Negara Malaysia bangga menjadi tuan rumah pada mesyuarat kali ini kerana dapat mempertemukan para pegawai kanan daripada kalangan pengawal selia serta kepimpinan industri perbankan dari rantau Asia untuk berbincang tentang Penyeliaan dan Perbankan dalam era pascakrisis.

Kita kini berada dalam era perubahan yang besar dan penting bagi industri, para pengawal selia dan penyelia. Pakej reformasi akhir yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Basel pada bulan Disember 2010 menandakan selesainya satu pencapaian penting dalam proses reformasi kewangan antarabangsa yang bermula selepas tercetusnya krisis kewangan global. Proses ini adalah rumit, membabitkan dialog berbilang hala yang kerap, baik di peringkat antarabangsa mahupun serantau. Namun begitu, usaha ke arah membangunkan sistem kewangan antarabangsa yang lebih berdaya tahan masih lagi pada peringkat awal.

Bagi pakej reformasi yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Basel ini, fasa pelaksanaan yang berikutnya juga tidak kurang dari segi cabarannya. Malahan telah wujud banyak jangkaan tentang bagaimana piawaian baharu ini akan dilaksanakan secara berperingkat, dan impaknya terhadap landskap sektor kewangan. Yang penting adalah untuk memastikan bahawa pelaksanaan reformasi kawal selia ini tidak mengganggu proses pemulihan ekonomi yang sedang berlaku. Selain itu, meskipun persetujuan penting telah dicapai tentang komponen utama berkaitan modal dan mudah tunai, sebahagian besar daripada beberapa bidang penting lain masih lagi sedang dalam proses untuk dilaksanakan. Berlatarkan keadaan ini, para penggubal dasar dan industri kewangan perlu terus mengadakan dialog yang terbuka dan konstruktif mengenai perkembangan yang mempengaruhi industri, khususnya, untuk mengelakkan kesan yang tidak diingini ekoran reformasi ini.

Prospek Ekonomi

Kini, Malaysia sedang memasuki tahun kedua dalam pemulihan global. Pemulihan semula dalam ekonomi global pada tahun 2010 sebahagian besarnya telah dipacu oleh prestasi luar biasa dari ekonomi sedang pesat membangun, khususnya di rantau Asia. Pertumbuhan dijangka terus kukuh pada tahun ini walaupun pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan tahun 2010. Meskipun dalam keadaan prospek pertumbuhan yang menggalakkan, Asia perlu menguruskan kesan perkembangan antarabangsa memandangkan tahap ekonomi dan kewangannya yang sangat terbuka. Perhatian dunia pada masa ini tertumpu pada keadaan fiskal beberapa ekonomi maju, kemajuan dalam reformasi kewangan dan langkah monetari dan kewangan yang sedang dilaksanakan dalam ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis. Cabaran utama bagi ekonomi sedang pesat membangun pada tahun 2011 sebahagian besarnya adalah untuk menguruskan aliran modal yang sangat tidak menentu. Pertumbuhan yang kukuh di Asia telah dan akan terus menarik mudah tunai global secara besar-besaran dalam bentuk aliran masuk modal ke dalam rantau tersebut. Keadaan ini menuntut pihak penggubal dasar di rantau ini agar lebih berwaspada. Beberapa ekonomi serantau telah melaksanakan langkah-langkah kehematan makro untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan.

Dalam keadaan ketidaktentuan yang berterusan, Asia dijangka terus memacu pertumbuhan global, disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh dan sistem kewangan yang teguh. Aktiviti ekonomi sektor swasta yang giat semula telah menjadi faktor penting dalam mengekalkan prospek pertumbuhan yang kukuh di Asia. Bagi ekonomi dalam negeri, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan pada sekitar 7% bagi tahun 2010. Meskipun sektor luaran mungkin terjejas oleh pertumbuhan global yang lebih perlahan, momentum pertumbuhan permintaan dalam negeri diunjurkan terus mampan pada tahun 2011, disokong oleh peningkatan kukuh yang berterusan dalam aktiviti sektor swasta. Faktor yang amat menggalakkan ialah pelaburan swasta dijangka bertambah kukuh dan menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan.

Mencapai objektif kestabilan kewangan

Saya akan menyentuh pula tentang usaha-usaha untuk mencapai kestabilan kewangan yang lebih menyeluruh. Meskipun masih banyak usaha yang perlu dilaksanakan pada peringkat antarabangsa, keutamaan dalam jangka terdekat adalah untuk melaksanakan pendekatan yang berkesan dan lebih bersepadu dalam pelaksanaan reformasi kewangan yang telah diumumkan. Hal ini penting memandangkan kesalinghubungan yang lebih meluas dalam ekonomi global. Walaupun hasil kajian impak kuantitatif telah meramalkan bahawa keuntungan jangka panjang daripada langkah-langkah tersebut akan mengatasi kos jangka pendek yang timbul hasil daripada pelarasan ini, pengalaman sebenar akan berbeza-beza merentas pelbagai negara.

Meskipun setiap negara akan berdepan dengan cabaran khusus dalam pelaksanaan yang mungkin timbul daripada perbezaan dalam struktur ekonomi dan pasaran, namun terdapat juga banyak persamaan, khususnya dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun yang boleh dikongsi antara negara. Tempoh pemerhatian yang diperuntukkan oleh Jawatankuasa Basel bagi beberapa komponen daripada pakej reformasi adalah dialu-alukan. Ini akan membolehkan negara-negara mempertimbangkan tindakan yang sewajarnya untuk menyokong pelaksanaan yang berkesan reformasi tersebut. Pada masa yang sama, terdapat jangkaan bahawa akan ada kesediaan dalam kalangan komuniti penentu piawaian antarabangsa untuk mengubah suai atau melengkapkan preskripsi yang sedia ada, rangka kerja atau strategi pelaksanaan berikutan lebih banyak pengalaman yang diperoleh dalam keadaan pasaran yang berubah-ubah. Pelaksanaan yang berkesan juga akan memerlukan sokongan untuk melaksanakan reformasi, khususnya dalam bidang pembangunan keupayaan, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun dan sedang membangun. Saluran komunikasi yang inklusif dengan pasaran dan proses perundingan global yang inklusif akan membolehkan negara memperoleh manfaat daripada pengalaman pihak lain dan, yang lebih penting, mempermudah tindak balas dasar yang lebih bersepadu dan seterusnya menyokong penyesuaian yang teratur terhadap piawaian baharu tersebut.

Meskipun perkembangan dasar kestabilan kewangan dalam tempoh dua tahun lalu menyaksikan mandat yang lebih jelas telah diperuntukkan bagi pihak berkuasa kawal selia, rangka kerja bagi kestabilan kewangan pada peringkat negara mahupun antarabangsa terus menjadi bahan perbincangan yang hangat. Tumpuan adalah pada keberkesanan instrumen dasar yang diperlukan untuk memelihara kestabilan kewangan, struktur dan reka bentuk rangka kerja untuk membuat keputusan dan pengaturan keinstitusian serta kebertanggungjawaban berhubung dengan dasar kestabilan kewangan. Satu bahagian penting daripada perkara ini ialah, dengan adanya kebertanggungjawaban, terdapat keperluan untuk mempunyai pelbagai rangkaian instrumen yang luas dan ruang dasar dan fleksibiliti untuk mencapai matlamat dasar kestabilan kewangan yang khusus. Selain itu, bagi kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, mandat yang penting adalah untuk turut membangunkan sistem kewangan. Bagi sebahagian besar Bank Pusat dalam ekonomi sedang pesat

membangun, peranan pembangunan ini merupakan bahagian yang penting untuk memelihara pembangunan yang teratur bagi sistem kewangan dan seterusnya kestabilan kewangan dalam jangka masa panjang.

Memperhebat penyeliaan dan memperkukuh tadbir urus

Krisis kewangan global juga telah menggalakkan pembaharuan dan pengukuhan berterusan dalam pendekatan penyeliaan, manakala usaha dilipatgandakan untuk memperdalam kerjasama penyeliaan merentas sempadan. Ini mencerminkan bahawa institusi kewangan yang aktif pada peringkat antarabangsa dan serantau menjadi semakin penting. Walaupun pendekatan penyeliaan berasaskan risiko sudah diterima pakai oleh banyak negara dan menyediakan rangka kerja bagi penilaian risiko yang lebih baik dengan pertimbangan penyeliaan yang lebih tepat, kaedah yang digunakan untuk menentukan kekerapan penyeliaan mungkin memerlukan penilaian semula secara berkala memandangkan tahap inovasi kewangan yang berterusan dan keadaan pasaran yang berubah-ubah.

Memandangkan lebih banyak negara mengambil langkah untuk menerima pakai pendekatan kawal selia yang lebih berdasarkan prinsip atau berdasarkan pencapaian, usaha untuk memastikan penyeliaan yang rapi dan wajar akan menjadi semakin penting bagi memastikan pengambilan risiko yang berhemat dalam sistem kewangan. Walaupun pematuhan akan kekal penting, ciri-ciri dan kemantapan hubungan penyeliaan dengan institusi kewangan kini memperlihatkan kecenderungan yang lebih nyata untuk berinteraksi secara lebih terbuka dan melalui komitmen yang membolehkan penyelia dan institusi kewangan memberikan pemahaman yang lebih lengkap mengenai risiko yang dihadapi oleh institusi dan industri secara keseluruhan. Hal ini juga menyokong usaha-usaha pada masa ini untuk mengukuhkan orientasi kehematan makro terhadap pengurusan risiko, baik pada peringkat sistem mahupun pada peringkat institusi apabila penilaian risiko keinstitusian ini dilengkapi dengan pertimbangan pembangunan makroekonomi dan kelakuan pasaran secara menyeluruh yang boleh memberikan impak yang nyata terhadap kestabilan kewangan.

Langkah-langkah reformasi untuk meningkatkan daya tahan institusi kewangan dan keupayaan penyeliaan dalam mengenal pasti dan menilai risiko pada peringkat makro juga diperkukuh dengan usaha untuk memantapkan kewibawaan lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam institusi kewangan. Di Malaysia, komitmen untuk meningkatkan prestasi lembaga pengarah institusi kewangan tidak hanya dengan mengeluarkan panduan penyeliaan, tetapi juga dengan pengenalan Program Pendidikan untuk Pengarah yang disusun rapi, yang dilancarkan pada tahun 2008. Mulai awal tahun ini, program ini terbuka kepada lembaga pengarah institusi kewangan dari luar Malaysia. Daripada banyak pengajaran yang diperoleh daripada krisis kewangan Asia dan krisis kewangan global, usaha memupuk budaya risiko dan tenaga kerja beretika yang mantap dalam industri kewangan adalah amat penting dalam usaha untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan keperluan ini harus bermula dengan lembaga pengarah dan pengurusan institusi kewangan.

Berikutan tercetusnya krisis kewangan ini, tuntutan yang lebih tinggi diletakkan ke atas lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk menunjukkan kepimpinan dan pengawasan yang lebih berkesan. Di sesetengah negara, tuntutan ini telah direalisasikan melalui pendekatan campur tangan dalam pelantikan pengarah dan kakitangan utama dalam institusi kewangan, manakala pada peringkat antarabangsa ia telah menghasilkan penambahbaikan yang ketara kepada piawaian penyeliaan antarabangsa tentang tadbir urus syarikat yang sedia ada. Dalam proses ini, timbul semula perdebatan dan dialog tentang bagaimana peraturan tadbir urus yang penting harus dikendalikan dengan cara terbaik bagi mencapai maksud isi kandungan berbanding hanya bentuk sesuatu peraturan, termasuk konsep pemisahan antara pengawasan dengan pengurusan, penentuan kecekapan lembaga pengarah yang relevan dalam persekitaran hari ini dan peranan

lembaga pengarah, pengurusan dan penyelia yang wajar dalam memperkukuh amalan tadbir urus yang mantap. Oleh itu, proses pembaharuan semula amalan yang telah terpakai perlulah berterusan bagi memelihara asas kestabilan kewangan.

Bidang kerjasama yang lebih luas

Dalam dunia yang serba saling berhubung kait, bidang kerjasama penyeliaan dan kolaborasi untuk keberkesanan pengendalian dasar kestabilan kewangan kini sudah pun berkembang. Kerjasama serantau dalam kalangan bank pusat dan agensi kawal selia di Asia sendiri telah pun mencapai kemajuan dalam banyak bidang, khususnya selepas krisis kewangan Asia. Fokus kerjasama telah menjangkau bidang kestabilan kewangan, pasaran kewangan dan sistem pembayaran dan penjelasan yang tradisi untuk mencakupi dasar yang lebih teknikal dan isu-isu masa hadapan. Meskipun mencapai kemajuan yang nyata, masih terdapat peluang untuk lebih memanfaatkan banyak platform yang sedia ada bagi menghadapi cabaran yang lebih mutakhir berkaitan isu merentas sempadan seperti arbitraj kawal selia, mempermudah integrasi kewangan, dan membentuk satu rangka kerja yang lebih mantap untuk pengawasan makro serantau dan pengurusan krisis.

Pengalaman menghadapi krisis global juga memberikan pengajaran penting yang akan terus memperdalam pemahaman kita dan menghasilkan kerjasama yang lebih erat dalam bidang penyelesaian institusi yang bermasalah merentas sempadan. Usaha yang sedang dilakukan di Eropah untuk melaksanakan pendekatan “living wills” adalah amat penting bagi rantau ini, dari perspektif pembentukan serta pelaksanaannya. Walaupun pendekatan ini masih belum teruji, langkah ini akan memberikan sumbangan penting untuk memperdalam pemahaman kita tentang kewajaran model perniagaan dan struktur kawal selia serta sistem undang-undang yang berbeza yang akan memberikan kesan terhadap operasi institusi yang penting yang mempunyai operasi merentas sempadan.

Melangkah ke hadapan, lebih banyak pengalaman harus diperoleh berhubung dengan strategi komunikasi kestabilan kewangan yang berkesan, satu perkara yang tidak mendapat banyak perhatian sehinggalah tercetusnya krisis kewangan baru-baru ini. Strategi komunikasi kestabilan kewangan yang diyakini, terutamanya dalam tempoh ketidakpastian yang nyata akan memerlukan masa dan penyampaian yang bersesuaian serta penyelarasan yang berkesan antara agensi yang berkaitan. Sebagai contoh, penyelarasan yang berkesan dalam membuat pengumuman mengenai jaminan menyeluruh daripada kerajaan dan langkah mudah tunai di Malaysia, Singapura dan Hong Kong semasa krisis baru-baru ini telah membantu mengekalkan keyakinan secara keseluruhan dalam pasaran kewangan negara. Selain itu, terdapat juga pengajaran yang boleh dipelajari berhubung dengan pengalaman dalam komunikasi hasil ujian tekanan penyeliaan di Eropah dan Amerika Syarikat.

Kesimpulan

Memandangkan pasaran kewangan yang dinamik pada masa ini, interaksi yang lebih berkesan antara penggubal dasar dengan industri, baik di dalam mahupun merentas sempadan menjadi amat penting agar dapat memberikan kesedaran yang lebih meluas terhadap isu-isu utama kestabilan kewangan. Ini sekali gus dapat mempertajam penilaian penyeliaan dan pertimbangan pengurusan serta menggalakkan kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang. Prospek yang lebih baik bagi kestabilan kewangan global yang lebih meluas bergantung pada komitmen berterusan terhadap bidang-bidang keutamaan ini. Akhir sekali, matlamatnya adalah untuk mengukuhkan kemampuan kita secara kolektif bagi menjangka dan bertindak balas secara berkesan terhadap perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan, tidak hanya dalam suasana yang mencabar ketika ini, tetapi juga kemungkinan tempoh pelarasan global yang berpanjangan pada masa hadapan.

Pelancaran Platform Kewangan Islam Bloomberg yang telah Dipertingkatkan
Kuala Lumpur, 21 Februari 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berasa sukacita kerana dapat menyertai anda pada pagi ini pada Pelancaran Platform Kewangan Islam Bloomberg yang telah dipertingkatkan. Perkembangan ini tepat pada masanya kerana kewangan Islam dijangka terus mencapai kejayaan besar pada dekad yang baharu ini. Platform maklumat ini merupakan elemen penting untuk memastikan pasaran kewangan Islam berfungsi dengan lebih cekap dalam sistem kewangan antarabangsa. Dalam sepuluh tahun terakhir ini kita telah melihat perkembangan yang ketara dalam kewangan Islam, baik dalam sistem kewangan dalam negeri ini mahupun antarabangsa. Dalam persekitaran yang lebih mencabar dan tidak menentu ini, kewangan Islam telah menunjukkan daya tahan dan daya maju serta telah mengekalkan momentum pertumbuhannya.

Hari ini, dengan meningkatnya pengantarabangsaan kewangan Islam, pertumbuhan dan pengembangannya yang berterusan sangat bergantung pada maklumat yang luas yang boleh diakses dengan cekap. Selama dua dekad Bloomberg telah memberikan perkhidmatan kepada komuniti kewangan Islam dalam menyediakan akses kepada penyampaian berita dan data serta maklumat yang tepat pada masanya. Oleh itu, inisiatifnya pada hari ini untuk meningkatkan platform kewangan Islamnya merupakan satu perkembangan yang amat dialu-alukan. Aliran maklumat tanpa sekatan dalam pasaran kewangan Islam penting untuk mempermudah proses penentuan harga dan mengekalkan keteguhan industri kewangan Islam. Data dan berita yang menjangkau sempadan secara masa sebenar penting bukan sahaja kepada pelabur dan institusi kewangan tetapi juga kepada para penyelidik dan ilmuwan kewangan Islam. Ia akan menyumbang kepada peningkatan daya saing, inovasi produk dan mempererat kesalinghubungan kewangan antarabangsa.

Ketika kita memasuki dekad baharu ini, cabaran pada dunia ialah untuk mengekalkan pemulihan ekonomi. Sementara masih terdapat banyak masalah yang perlu ditangani di negara maju, sebahagian besar ekonomi sedang pesat membangun terus menunjukkan prestasi yang baik. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh 7.2% pada tahun 2010 didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan hubungan ekonomi dan kewangan yang lebih erat dengan negara membangun lain. Satu bahagian penting pemulihan ini ialah pemulihan yang kukuh dalam pelaburan swasta berikutan peningkatan penggunaan keupayaan dan ciri-ciri dinamik ekonomi yang telah menyediakan peluang pelaburan baharu dalam bidang pertumbuhan baharu.

Tahun 2011 akan menjadi tahun yang menarik bagi industri kewangan Islam. Terbitan sukuk global pada tahun 2010 telah mengatasi tahun sebelumnya lebih daripada 20 peratus. Pertumbuhan positif ini jelas membuktikan bahawa pelabur dan penerbit telah kembali yakin. Pada tahun 2011, terbitan sukuk diunjurkan melebihi paras yang dicatat pada tahun 2007 ketika ia mencapai paras terbitan tertinggi. Tahun 2010 juga menyaksikan evolusi Malaysia sebagai platform originasi sukuk pelbagai mata wang dengan empat terbitan sukuk dalam mata wang asing yang berjumlah kira-kira USD3 bilion. Trend ini akan memperoleh manfaat daripada Indeks Syariah Berdaulat Bursa Malaysia AIBIM Bloomberg (Bloomberg AIBIM Bursa Malaysia Sovereign Syariah Index, BMSSI) yang dibangunkan oleh Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia, AIBIM), Bursa Malaysia dan Bloomberg yang juga dilancarkan pada hari ini sebagai sebahagian daripada peningkatan platform kewangan Islam.

Pelancaran indeks sukuk ringgit ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam persekitaran kewangan Islam Malaysia kerana ia menjadi pengukur prestasi sekuriti kerajaan berlandaskan Syariah dengan denominasi ringgit selain untuk tujuan penandaarasan. Perkembangan ini merupakan sebahagian daripada sokongan berterusan AIBIM dan Bursa Malaysia untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran sukuk di dunia. Kerjasama antara AIBIM, Bursa Malaysia dan Bloomberg juga dijangka dapat membangunkan indeks sukuk korporat ringgit tidak lama lagi. Melangkah ke hadapan, usaha-usaha sedang dilaksanakan antara Bank Negara Malaysia dengan Bloomberg untuk memperluas inisiatif ini bagi membangunkan indeks sukuk mata wang asing. Liberalisasi pasaran kewangan dijangka dapat menarik lebih banyak terbitan sukuk mata wang asing seperti ini oleh entiti berdaulat, institusi pelbagai hala dan syarikat multinasional.

Bagi mengukuhkan lagi infrastruktur pasaran sukuk, Malaysian Electronic Clearing Corporation atau MyClear, sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank Negara Malaysia yang mengendalikan sistem penyelesaian kasar masa sebenar dan sistem depositori sekuriti, juga telah melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan urus niaga kewangan rentas sempadan yang cekap, teguh dan selamat. Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami terhadap integrasi kewangan di rantau ASEAN dan sistem kewangan global melalui hubungan yang lebih erat dengan pusat-pusat depositori sekuriti lain, iaitu Euroclear dan Central Moneymarkets Unit (CMU) dari Hong Kong Monetary Authority. Dijangkakan bahawa institusi depositori sekuriti pusat lain akan menyertai inisiatif ini bagi mengeratkan lagi hubungan rentas sempadan ini. Oleh itu, MyClear akan menjadi salah satu platform penting bagi penyelesaian pelbagai hala yang memudahkan urus niaga perdagangan sukuk. Pelaksanaan inisiatif ini yang dijadualkan selesai pada separuh kedua tahun 2011 menawarkan akses berkesan kos bagi pelabur asing melabur dalam sekuriti Malaysia yang didepositkan dengan MyClear. Pada masa yang sama, ia membolehkan pelabur Malaysia melabur dalam sekuriti asing yang didepositkan dengan institusi depositori sekuriti pusat antarabangsa dan serantau. Melangkah ke hadapan, MyClear akan terus memperluas jangkauannya ke rantau lain di seluruh dunia.

Satu lagi pembangunan infrastruktur yang sedang dilaksanakan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa ialah penubuhan Perbadanan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM). Dilancarkan pada bulan Oktober 2010, IILM telah memulakan operasinya di Kuala Lumpur pada 1 Februari. Peranan utamanya ialah untuk melaksanakan terbitan instrumen mudah tunai pelbagai mata wang jangka pendek bagi memudahkan pengurusan mudah tunai rentas sempadan antara pusat-pusat kewangan dan pada masa yang sama meningkatkan kesalinghubungan kewangan. IILM dijadualkan melaksanakan terbitan instrumen mudah tunai pada akhir tahun ini. Ini akan membolehkan pengurusan aliran kewangan rentas sempadan yang lebih mantap dan seterusnya menyumbang kepada pengantarabangsaan kewangan Islam yang lebih cekap.

Sehubungan dengan peningkatan komuniti kewangan Islam yang ketara, adalah wajar platform kewangan Islam yang dilancarkan pada hari ini telah memperluas jangkauannya kepada pelanggan global dan daripada penyumbang data serta maklumat daripada institusi di seluruh dunia. Bagi menyokong platform kewangan Islam yang telah dipertingkatkan dan yang baharu ini, Bank Negara Malaysia dan anggota komuniti lain di bawah inisiatif MIFC berbesar hati untuk menjadi salah satu penyumbang. Laman MIFC dalam platform yang dipertingkatkan ini menyediakan pandangan Syariah, peluang perniagaan dan perkembangan penting dalam MIFC. Ia juga menjadi hos kepada rangkaian komuniti kewangan Islam yang luas di Malaysia.

Dengan yang demikian, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bloomberg, AIBIM, Bursa Malaysia serta rakan-rakan lain yang mengusahakan inisiatif ini untuk memberikan khidmat kepada industri kewangan Islam.

Memperkasa Kepimpinan Wanita dalam Kehidupan Masyarakat "Perkongsian Kuasa dalam Sektor Awam" di Forum Wanita dalam Kepimpinan Kuala Lumpur, 22 Februari 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Pendahuluan

Dalam abad kedua puluh satu ini, prestasi dan kemajuan tidak lagi ditentukan oleh aset fizikal tetapi sebaliknya oleh modal insan. Kaum wanita merupakan separuh daripada penduduk dunia lantaran merangkumi setengah daripada sumber berpotensi yang mampu memacu prestasi. Hal ini diperkuat lagi oleh trend kebelakangan ini yang menyaksikan kaum wanita mencakupi sebahagian besar daripada golongan yang berpendidikan tinggi. Oleh itu, kaum wanita merupakan sumber berpotensi yang semakin penting yang mampu memikul amanah sebagai pemimpin. Dalam ekonomi sedang pesat membangun yang menghadapi kekurangan tenaga mahir berkelayakan tinggi, soal gender tidak menjadi suatu isu. Malah wanita berjaya memegang jawatan-jawatan kepimpinan berdasarkan merit dan keupayaan mereka.

Penyertaan wanita dalam semua segmen ekonomi di Malaysia sememangnya telah mencapai kemajuan yang besar lantas membuktikan mereka mampu untuk memimpin dan berjaya dalam sektor awam dan juga swasta. Saya amat berbesar hati kerana diberi penghormatan untuk berucap di Forum Wanita dalam Kepimpinan ini dengan topik "Memperkasa Kepimpinan Wanita dalam Kehidupan Masyarakat: Perkongsian Kuasa dalam Sektor Awam". Di Asia khususnya, kaum wanita kini berjaya memegang jawatan penting dan diberi peluang menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Dalam era yang semakin menuntut prestasi cemerlang serta bercirikan persekitaran pengawasan dan ketelusan yang semakin tinggi, pelantikan untuk memegang jawatan kepimpinan tidak lagi berdasarkan gender tetapi lebih mengutamakan kebolehan sebagai pentadbir, penggubal dasar dan pemimpin yang berinovasi (thought leadership). Dengan itu, perkongsian kuasa membawa maksud kuasa saling dikongsi demi mencapai kemajuan negara dan bukannya penggunaan mutlak kuasa itu sendiri. Ucapan saya hari ini akan dimulai dengan menyentuh peranan sektor awam dan kebertanggungjawabannya, sebelum saya membincangkan tentang wanita dan kepimpinan dalam sektor awam, cabaran yang dihadapi serta beberapa strategi kejayaan.

Kebertanggungjawaban Sektor Awam

Peranan dan kebertanggungjawaban sektor awam jauh berbeza daripada sektor swasta. Tidak seperti sektor swasta, penunjuk prestasi sesebuah agensi dalam sektor awam pada amnya tidak diukur dari segi kewangan semata-mata. Selain itu, tindakan yang diambil oleh sektor awam mempunyai kesan yang lebih meluas terhadap kemakmuran ekonomi seluruh rakyat secara amnya dan juga semua spektrum perniagaan. Tindakan sektor awam juga mempunyai implikasi pada peringkat global berikutan kesalinghubungan antarabangsa yang lebih erat yang terjalin dalam persekitaran semasa. Oleh itu, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban yang didukung oleh sektor awam sesungguhnya amat besar. Sejarah mengajar kita bahawa kesan daripada salah pengurusan amat memudaratkan negara dan mengakibatkan rakyat terpaksa menanggung beban kos yang tinggi. Sebaliknya, negara yang diuruskan dengan baik pasti memberikan kemakmuran yang besar kepada seluruh rakyatnya.

Sektor awam mendukung tanggungjawab untuk menjana hasil dan memberi manfaat kepada rakyat. Manfaat tersebut termasuk kemudahan tempat tinggal, pendidikan, kesihatan dan pengangkutan yang lebih baik selain usaha

untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan kadar jenayah dan memastikan alam sekitar terus terpelihara. Dalam persekitaran semasa yang lebih telus dan kewujudan saluran komunikasi yang lebih canggih, kesedaran tentang keadaan semasa semakin mendalam. Ini seterusnya mendorong harapan dan jangkaan yang lebih tinggi terhadap sektor awam. Rakyat jelas tidak lagi boleh bertolak ansur dengan ketidakcekapan, prestasi yang lemah, amalan yang tidak konsisten dan kegagalan mencapai hasil yang dikehendaki. Sebaliknya, mereka mengharapkan sektor awam memberikan perkhidmatan terbaik untuk negara selain menjana hasil seperti diharapkan melalui cara yang paling cekap dan berkesan.

Sektor awam, sebagaimana sektor swasta, turut menerima kesan daripada persekitaran dinamik yang pantas berubah. Pendekatan yang sebelum ini membuahkan kejayaan kini mungkin tidak lagi relevan. Malah kemahiran dan keupayaan yang dahulunya mencukupi kini tidak lagi memadai. Tambahan pula, usaha kumulatif juga diperlukan daripada semua bahagian sektor awam untuk mendapatkan hasil yang dikehendaki. Pergantungan kini bukan hanya kepada bahagian-bahagian tertentu sistem tetapi melibatkan lebih banyak bahagian dalam sistem awam. Pengaturan lama juga tidak lagi berkesan. Cabaran baharu yang semakin rumit perlu dihadapi dengan kaedah dan sistem baharu. Dengan itu, organisasi perlu melalui proses transformasi agar ia dapat melangkah seiring dengan tuntutan persekitaran baharu yang pantas berubah.

Dalam usaha untuk mendorong kemajuan dan pembangunan negara, keupayaan untuk menguruskan cabaran yang mendatang sudah menjadi suatu kemestian. Susulan itu, peranan kepimpinan dalam sektor awam telah banyak berubah. Negara yang berjaya ialah negara yang memberi keutamaan kepada modal insan serta mengambil langkah mengkaji semula dan melaksanakan transformasi organisasi. Memandangkan modal insan yang berkeupayaan tinggi masih lagi kurang, peluang terbuka luas kepada kaum wanita yang berkebolehan untuk memikul tanggungjawab kepimpinan dalam sektor awam dan seterusnya mencapai matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan seluruh rakyat.

Memperkasa Kepimpinan Wanita dalam Sektor Awam

Wanita merupakan komponen penting dalam sumber modal insan dan kini semakin giat memperkukuh kedudukan mereka dalam kumpulan tenaga mahir. Untuk menjadi pemimpin, pelaburan dalam pembangunan kemahiran kepimpinan adalah amat perlu. Meskipun kepimpinan dalam sektor swasta dan awam mempunyai unsur-unsur yang sama, terdapat beberapa ciri kepimpinan tertentu yang penting dan khusus buat sektor awam.

Pertama, perlu ada wawasan yang jelas – iaitu matlamat dan hasil yang perlu dicapai oleh organisasi. Berbeza dengan sektor swasta, kejayaan dalam sektor awam tidak diukur melalui hasil kewangan yang dicapai. Sering kali juga pengukuran dari segi kuantitatif sukar dibuat. Namun begitu, pengukuran sedemikian amat penting agar sumber dan daya usaha organisasi dapat disejajarkan bagi mencapai hasil yang dikehendaki. Sama pentingnya juga ialah langkah ini membolehkan organisasi terus fokus dan meneruskan hala tuju yang ditetapkan apabila berdepan tekanan daripada pelbagai pihak berkepentingan yang mempunyai persepsi dan jangkaan berbeza terhadap organisasi.

Kedua, berkeupayaan untuk menerangkan wawasan ini kepada pihak lain dalam organisasi dan juga kepada mereka yang akan menerima kesan daripada tindakan yang diambil oleh organisasi. Dengan cara ini, daya usaha pekerja dapat diselaraskan untuk mencapai hasil strategik yang dikehendaki. Acap kali, wawasan yang dikongsi bersama dengan mereka yang akan menerima kesan daripada tindakan organisasi juga membolehkan usaha-usaha bersama saling mengukuh.

Aspek ketiga yang penting ialah pengetahuan dan pemahaman tentang urusan dan unsur-unsur utama yang memacu organisasi. Cara sistem dikendalikan dan cara matlamat direalisasikan juga harus dihayati. Oleh itu,

perlu ada pengetahuan, kemahiran, maklumat, metodologi dan struktur organisasi yang menyokong untuk mencapai hasil yang disasarkan. Ini penting agar wawasan dapat direalisasikan.

Keempat, berikutan ciri urusan sektor awam dan kepelbagaian pihak berkepentingan yang terlibat, kepimpinan dalam sektor ini menuntut kemahiran penyelarasan dan integrasi yang mampu menyatukan cara pemikiran dan pemahaman yang berbeza, serta keupayaan untuk menyatukan perspektif yang berlainan agar menjadi suatu bentuk penyelesaian yang menghasilkan keputusan yang dikehendaki. Langkah ini turut melibatkan kemahiran penyelarasan yang dapat menyatukan bukan sahaja pelbagai bahagian organisasi bahkan organisasi lain dalam sektor awam yang boleh menyumbang ke arah pencapaian hasil yang dikehendaki.

Kelima, kepentingan pelbagai pihak yang perlu diseimbangkan. Sering kali, tindakan yang perlu diambil menyebabkan implikasi yang berbeza kepada kumpulan sasaran yang berlainan, dan mungkin menyentuh kepentingan yang bercanggah. Oleh itu, kepentingan yang berlainan bagi segmen masyarakat yang berbeza perlu diseimbangkan dan risikonya diuruskan dengan sewajarnya.

Keenam, kemahiran untuk menguruskan krisis perlu dipupuk lantaran peranannya yang semakin penting dalam persekitaran semasa. Berbanding dengan dekad-dekad sebelum ini yang secara relatif stabil, persekitaran semasa kini sering dilanda krisis. Dalam tempoh ketidaktentuan dan ketidakstabilan, sektor awam berada di barisan hadapan untuk bertindak dan menyediakan penyelesaian terhadap krisis. Apabila membuat keputusan dalam keadaan sedemikian, sebarang kelewatan, kealpaan atau dasar yang salah boleh membawa kemudaratan yang besar kepada negara.

Ketujuh, keupayaan untuk mengurus dengan berkesan meskipun berdepan dengan tekanan yang hebat. Tekanan sedemikian mungkin berpunca daripada tuntutan tinggi pihak berkepentingan yang berbeza, keadaan krisis atau kegagalan bahagian-bahagian lain sektor awam yang memberi kesan kepada prestasi anda. Namun, keupayaan untuk terus memberi tumpuan strategik selain kemampuan untuk melaksanakan tindakan seperti yang dirancang dapat membantu menangani tekanan sedemikian.

Kelapan, keberanian dan tekad untuk melaksanakan tanggungjawab. Kecekalan dan ketabahan hati amat penting bagi membolehkan keputusan dibuat semasa berhadapan tekanan tinggi di samping memastikan organisasi dapat terus beroperasi dan kekal bersatu dalam tempoh sukar tersebut.

Kesembilan, keazaman dan ketekunan yang tinggi dalam usaha merealisasikan wawasan. Agenda sektor awam yang secara mutlaknya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat merupakan usaha yang berpanjangan dan memerlukan ketabahan. Pelbagai prasyarat tertentu harus dipenuhi selain memastikan persekitaran yang menyokong diwujudkan dan bahagian-bahagian berlainan sektor awam bergerak seiringan untuk mencapai matlamat bersama. Sering kali, faktor-faktor ini tidak dapat diselaraskan dengan wajar. Keyakinan yang kuat terhadap matlamat, ditambah dengan keupayaan dan ketabahan yang kukuh akan meningkatkan potensi untuk menjana hasil yang berkesan.

Faktor akhir dan juga paling penting ialah kemampuan untuk terus membuat penciptaan semula. Globalisasi membawa bersama-samanya perubahan persekitaran, saingan yang lebih sengit, kekaburan dan ketidakpastian, kelebihan dan kecanggihan teknologi, keadaan yang lebih mudah dilanda krisis dan keperluan pengawasan dan ketelusan yang lebih tinggi. Persekitaran operasi yang lebih rumit ini memerlukan kemahiran dan kebolehan serba baharu untuk menguruskan cabaran-cabaran baharu. Kini, peranan kepimpinan adalah dinamik dan telah banyak berubah. Penciptaan semula yang dibuat adalah untuk menyokong keupayaan untuk memberi tindak balas yang bersesuaian dengan perubahan.

Membina Organisasi yang Cekap

Organisasi yang cekap perlu dibina dan diperlengkap dengan keupayaan untuk menjana hasil yang dikehendaki untuk memperkukuh keupayaan kita dalam mengurus cabaran baharu yang berbangkit daripada persekitaran yang berubah-ubah. Oleh itu, organisasi harus dikaji semula dan sentiasa dimodenkan agar dapat terus berkhidmat demi kepentingan negara. Usaha ini memerlukan penelitian persekitaran dan penetapan matlamat secara berkala untuk memastikan teras strategik organisasi terus utuh. Usaha pemodenan seterusnya perlu disokong oleh rangka tindakan yang menggariskan langkah dan inisiatif strategik yang perlu diambil. Wanita yang berkelayakan perlu diberi peluang menerajui pucuk pimpinan agar dapat turut serta dalam proses ini. Bagi meningkatkan peluang buat kaum wanita, ruang dan peluang untuk mereka mendapat pendidikan dan pengalaman serta pendedahan haruslah diberi. Selepas melalui fasa pendidikan formal, pengalaman dan kepakaran yang diperoleh daripada bimbingan dan program mentor akan meningkatkan lagi sumbangan setiap individu terhadap keberkesanan organisasi.

Dalam organisasi yang serba moden, proses pengurusan prestasi memerlukan tahap kecemerlangan tertinggi dan keupayaan untuk menjana hasil yang dikehendaki dalam tempoh masa yang ditetapkan. Organisasi yang telah melalui proses transformasi akan beralih daripada aktiviti berasaskan tugas kepada organisasi yang lebih berorientasikan hasil dengan tumpuan yang jelas terhadap mandat dan penunjuk prestasi utama. Bagi menggalakkan organisasi berorientasikan prestasi, pengiktirafan prestasi dan sistem ganjaran yang diwujudkan perlu dibezakan dengan jelas. Masih banyak negara yang belum melaksanakan langkah ini.

Transformasi organisasi juga perlu menitikberatkan pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan pengetahuan dan penyediaan peluang untuk mengimbangi pekerjaan dengan kehidupan. Peluang pembelajaran amat kritikal untuk meningkatkan keupayaan. Akhirnya, struktur tadbir urus baharu merupakan kunci untuk memastikan keputusan dibuat dengan teliti dalam organisasi dan wujud elemen sekatan dan imbangan (check and balance) yang mencukupi agar keputusan terbaik dapat dibuat dan tahap kredibiliti dan integriti tertinggi dicapai.

Cabaran

Walaupun peluang terbuka luas untuk kaum wanita dalam sektor awam, namun sehingga kini tidak ramai daripada mereka yang berjaya mengisi jawatan kepimpinan. Meskipun masih terdapat halangan atau glass ceiling, dalam kita melangkah ke hadapan, asas kukuh yang membolehkan wanita mengisi jawatan kepimpinan sudah pun terbina. Cabaran yang wujud kini adalah untuk memberi keutamaan kepada penciptaan semula yang diperlukan secara berterusan, iaitu dengan menimba ilmu pengetahuan baharu serta kemahiran dan pengalaman baharu agar dapat meningkatkan kebolehan baharu dan seterusnya mampu menangani cabaran baharu.

Bagi wanita yang juga merupakan seorang ibu, isteri dan anak, pengorbanan yang dituntut adalah besar. Cabaran yang dihadapi adalah untuk mencapai keseimbangan agar prestasi kerja tidak menjejaskan mana-mana peranan tersebut. Sistem sokongan di tempat kerja dan di rumah adalah amat penting. Sama pentingnya ialah pengurusan masa, pengurusan tekanan dan pengurusan insan. Akhirnya, dan lebih-lebih lagi di sektor awam – memandangkan tekanan yang dihadapi oleh sektor itu adalah dari pelbagai penjuru ekoran implikasi meluas daripada tindakan yang diambil - jawatan kepimpinan memerlukan keberanian dan keazaman yang jitu. Tumpuan dan daya usaha strategik untuk mencapai hasil yang dikehendaki memperteguh keupayaan untuk menguruskan keadaan apabila berdepan tekanan sedemikian.

Kesimpulan

Akhir kata, jawatan kepimpinan dalam sektor awam menuntut usaha dan azam yang amat tinggi. Kepimpinan sebegini memerlukan keupayaan untuk menyampaikan hasil dan membuat perubahan kepada kehidupan orang lain. Bagi mencapai matlamat ini, kita perlu berubah secara berterusan agar mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada negara. Penciptaan semula ini melibatkan keupayaan kepimpinan, keinstitusian dan kebolehan organisasi untuk bertindak balas kepada perubahan sekeliling yang berlaku.

Dengan berbekalkan transformasi inilah baru kita mampu memimpin dengan jayanya.

Meskipun bilangan kaum wanita dalam kumpulan tenaga mahir semakin bertambah, kuasa sebenar adalah kuasa yang dikongsi. Kaum wanita dan kaum lelaki yang saling berganding bahu dan memanfaatkan kelebihan, pengalaman dan pengetahuan masing-masing, yang akan bersama-sama mencorakkan perubahan yang paling sesuai dengan keadaan dan persekitaran kita demi menaikkan tahap prestasi dan kemajuan ke tahap yang paling cemerlang.

KALENDAR PERISTIWA
Januari - Mac 2011

16 Januari 2011

Dalam ucapan alu-aluan beliau pada Mesyuarat Peringkat Tertinggi Institut Kestabilan Kewangan (Financial Stability Institute, FSI) - Mesyuarat Eksekutif Bank-Bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) bagi Penyelia-penyelia Perbankan, Gabenor telah menyatakan beberapa mesej utama. Beliau menyatakan dengan pasaran kewangan yang dinamik pada masa ini, interaksi dan perbincangan yang lebih berkesan antara penggubal dasar dengan industri, baik di dalam negeri mahupun merentas sempadan adalah penting untuk mewujudkan kesedaran yang lebih meluas tentang isu utama kestabilan kewangan. Interaksi dan perbincangan ini akan mempertajam penilaian penyeliaan dan pertimbangan pengurusan serta menggalakkan kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang. Beliau menambah prospek yang lebih baik bagi kestabilan kewangan global yang lebih meluas bergantung pada komitmen berterusan terhadap keutamaan-keutamaan ini. Beliau menekankan bahawa matlamat akhir adalah untuk memperkukuh kemampuan para penggubal dasar secara kolektif bagi menjangka dan bertindak balas secara berkesan terhadap perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan dalam tempoh yang penuh dengan cabaran pada masa ini dan juga pada masa hadapan.

19 Januari 2011

Bank mengumumkan pelancaran Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan celik kewangan dan pengurusan kewangan yang lebih berkesan dalam kalangan anggota masyarakat. Program POWER! ini disasarkan pada golongan muda dan mereka yang baru membuat pinjaman dengan tujuan untuk meningkatkan kemampuan mereka untuk menguruskan kewangan secara berkesan. Ini kemudiannya akan menyumbang ke arah menggalakkan perlindungan yang lebih baik bagi pengguna kewangan dan sektor isi rumah yang lebih berdaya tahan. Program yang dikendalikan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini disediakan secara percuma di seluruh negara dan program ini memberi individu-individu pengetahuan dan kemahiran kewangan secara praktikal serta instrumen yang dapat membantu membuat keputusan kewangan yang bijak.

27 Januari 2011

Pada mesyuaratnya yang pertama untuk tahun 2010, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate ,OPR) pada 2.75 peratus. MPC menyatakan bahawa pada masa ini, pendirian dasar monetari semasa adalah wajar dan konsisten dengan penilaian terkini prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi. MPC menambah bahawa pendirian dasar monetari akan terus akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada hari yang sama, Bank juga mengumumkan pelantikan tiga Penolong Gabenor yang baharu; Encik Donald Joshua Jaganathan, Encik Abu Hassan Alshari Yahaya dan Encik Marzunisham bin Omar berkuat kuasa 1 Februari 2011.

18 Februari 2011

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.8% pada suku keempat tahun 2010, didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Perbelanjaan penggunaan swasta dan perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan permintaan dalam negeri. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku tersebut, kecuali sektor komoditi utama, khususnya sektor pertanian dan perlombongan. Bagi keseluruhan tahun tersebut, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 7.2%. Kadar inflasi keseluruhan meningkat sebanyak 2% pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan bahan api yang lebih tinggi.

21 Februari 2011

Dalam ucaptama beliau pada Pelancaran Platform Kewangan Islam Bloomberg yang telah dipertingkatkan di Kuala Lumpur, Gabenor menyatakan bahawa terbitan sukuk global pada tahun 2010 mengatasi tahun sebelumnya sebanyak 20 peratus. Beliau menambah bahawa tahun 2010 juga menyaksikan evolusi Malaysia sebagai platform originasi terbitan sukuk pelbagai mata wang dengan empat terbitan sukuk mata wang asing berjumlah kira-kira USD3 bilion. Seterusnya beliau menambah bahawa pelancaran Indeks Syariah Kerajaan Bursa Malaysia (Bursa Malaysia Souvereign Shariah Index, BMSSI) menandakan satu lagi pencapaian penting dalam persekitaran kewangan Islam Malaysia dan selanjutnya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran sukuk di dunia.

24 Februari 2011

Bank Negara Malaysia sekali lagi menerima anugerah ”Bank Pusat Terbaik dalam Menggalakkan Kewangan Islam” pada Majlis Anugerah Berita Kewangan Islam 2011 yang berlangsung di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Ini merupakan tahun keenam berturut-turut Bank memenangi anugerah ini, sejak dimulakan pada tahun 2005.

11 Mac 2011

Pada mesyuarat kali keduanya bagi tahun 2011, MPC Bank Negara Malaysia mengekalkan OPR pada kadar 2.75%. Melangkah ke hadapan, MPC menyatakan bahawa pendirian dasar monetari dijangka terus menyokong pertumbuhan ekonomi, namun, tahap dasar monetari yang akomodatif mungkin perlu dikaji semula berikutan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan wujudnya risiko kepada inflasi. Ini bagi memastikan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan.

Sebagai langkah awalan untuk menguruskan risiko pertambahan mudah tunai (yang berpunca daripada aliran masuk modal besar-besaran ke dalam ekonomi sedang pesat membangun khususnya Asia) daripada mengakibatkan ketidakstabilan makroekonomi dan kewangan, Bank juga mengumumkan kenaikan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 1.00% kepada 2.00% berkuat kuasa 1 April 2011. Oleh itu, kenaikan SRR adalah sebagai instrumen untuk menguruskan mudah tunai dan bukan menandakan pendirian dasar monetari.

Pada hari yang sama, Bank juga mengumumkan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu bagi menangani kebimbangan premium yang tinggi dan kesukaran untuk mendapatkan akses kepada perlindungan motor. Rangka kerja baharu ini akan meningkatkan kecekapan dalam penyediaan polisi perlindungan motor dan akan memastikan akses yang lebih besar bagi orang ramai untuk membeli insurans motor pada harga berpatutan. Orang ramai juga akan memperoleh manfaat daripada perkhidmatan yang lebih baik dan pembayaran tuntutan insurans yang lebih cepat. Di

bawah rangka kerja baharu ini, premium insurans bagi beberapa kategori kenderaan bermotor akan diselaraskan secara berperingkat bermula Januari 2012 sepanjang empat tahun. Rangka baharu ini juga akan meningkatkan kecekapan penyelesaian tuntutan motor dengan mengurangkan tempoh purata daripada satu hingga lima tahun sekarang ini kepada enam hingga 18 bulan .

18 Mac 2011

Bank mengumumkan langkah-langkah baharu kad kredit sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemat dalam kalangan pengguna selain amalan perniagaan yang bertanggungjawab oleh pengeluar kad kredit, dengan infrastruktur keselamatan terus ditambah baik. Berkuat kuasa serta-merta, keperluan kelayakan pendapatan tahunan minimum untuk kad kredit dinaikkan kepada RM24,000 daripada RM18,000 sebelumnya. Selanjutnya, pemegang kad yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang, hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar sahaja dengan had kredit mereka dibataskan kepada dua kali ganda pendapatan bulanan mereka bagi setiap pengeluar. Selain itu, pengeluar kad kredit dikehendaki bersikap wajar, telus dan bertanggungjawab dalam memasarkan dan menawarkan kemudahan kad kredit kepada pengguna. Ini termasuk tidak membenarkan pengeluar kad kredit; menaikkan had kredit tanpa persetujuan pemegang kad dan; menawarkan pendahuluan kredit dalam bentuk cek berbayar kepada pemegang kad melainkan pemegang kad telah memohon untuk pendahuluan tersebut. Seterusnya, berkuat kuasa 1 Januari 2012, pengeluar kad kredit akan melaksanakan pemberitahuan transaksi melalui sistem pesanan ringkas (Short Messaging Service, SMS) kepada pemegang kad mereka selepas transaksi dilakukan. Ini akan disusuli dengan pelaksanaan pengesahan nombor pengenalan peribadi (Personal Indification Number, PIN) untuk semua transaksi kad mulai 1 Januari 2015.

23 Mac 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan penerbitan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran bagi tahun 2010. Pada sidang akhbar berkenaan, Gabenor menyatakan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2010 dengan pengembangan sebanyak 7.2%. Pertumbuhan dipacu terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang teguh, dengan peningkatan yang kukuh dalam aktiviti sektor swasta. Sementara itu, sektor awam terus menyokong ekonomi dalam negeri melalui program untuk menambah baik infrastruktur negara dan sistem penyampaian sektor awam. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2010 dengan sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan. Peningkatan inflasi pada tahun 2010 didorong oleh faktor penawaran yang berpunca daripada harga makanan dan komoditi yang lebih tinggi serta langkah pengurangan subsidi. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan kekal rendah dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) berpurata pada 1.7%. Bagi prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2011, Gabenor mengatakan bahawa ekonomi diunjurkan mencatat pertumbuhan sebanyak 5-6%, manakala inflasi dijangka berpurata pada 2.5 - 3.5%.

Bagi sistem kewangan, Gabenor menyatakan bahawa sistem kewangan Malaysia terus stabil dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Pengantaraan kewangan terus cekap dan menyeluruh pada tahun 2010, disokong oleh pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur. Sistem perbankan Islam terus berdaya tahan, disokong oleh permodalan yang tinggi, kualiti aset yang bertambah baik dan keberuntungan yang mampan dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Sistem pembayaran dan penyelesaian juga kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar, menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan pengekalan keyakinan orang ramai. Gabenor memaklumkan bahawa keutamaan dalam agenda pembangunan pada tahun 2011 ialah Bank akan memberi tumpuan pada pelaksanaan rangka tindakan sektor kewangan baharu yang bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan sektor kewangan Malaysia bagi menyokong keperluan perniagaan dan pengguna ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.